



JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI

*National Household  
Indicators Survey*  
**(NHIS)**  
**2021**

**PANDUAN  
PENEMURAMAH**

**BAHAGIAN PERANGKAAAN TENAGA MANUSIA & SOSIAL  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

# **PANDUAN PENEMURAMAH**

## ***National Household Indicators Survey (NHIS)*** **2021**

**Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial  
Jabatan Perangkaan Malaysia**

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

1. PENGENALAN.....	3
2. PANDUAN MENGISI SOAL SELIDIK.....	6
3. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA .....	7
4. MODUL SOALAN .....	20
MODUL A: MAKLUMAT RESPONDEN .....	20
MODUL B: ALAMAT LENGKAP .....	22
MODUL C: TEMPAT KEDIAMAN.....	24
MODUL D: ISI RUMAH.....	38
MODUL E: BUTIR-BUTIR PENGENALAN DIRI.....	53
MODUL F: TARAF PERKAHWINAN.....	61
MODUL G: KESUBURAN .....	63
MODUL H: PERKEMBANGAN AWAL KANAK-KANAK.....	65
MODUL I: PENDIDIKAN .....	67
MODUL J: PERTANIAN .....	100
MODUL K: HAK KESAMARATAAN .....	104
MODUL L: JURANG GAJI KESAKSAMAAN GENDER .....	108
MODUL M: BULI DI SEKOLAH.....	110
MODUL N: KESELAMATAN/ GANGGUAN/ KEGANASAN .....	113
MODUL O: SURVEI KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA.....	121

## 1. PENGENALAN

### 1.1 TUJUAN

*National Household Indicators Survey (NHIS)* adalah survei yang menggunakan pendekatan Isi Rumah yang dijalankan bagi memenuhi keperluan indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), indikator pendidikan, *Civil Registration and Vital Statistics (CRVS)*, Gender dan Survei Kebahagiaan Rakyat Malaysia.

Panduan Mengisi Soal Selidik *National Household Indicators Survey (NHIS) 2021* adalah bertujuan untuk memberikan panduan terperinci kepada responden bagi mengisi Soal Selidik Modul A sehingga Modul O. Panduan ini menerangkan cara mengisi soal selidik mengikut modul seperti berikut:

- Modul A : Maklumat Responden
- Modul B : Alamat Lengkap
- Modul C : Tempat Kediaman
- Modul D : Isi Rumah
- Modul E : Butir-butir Pengenalan Diri
- Modul F : Taraf Perkahwinan
- Modul G : Kesuburan
- Modul H : Perkembangan Awal Kanak-Kanak
- Modul I : Pendidikan
- Modul J : Pertanian
- Modul K : Hak Kesamarataan
- Modul L : Jurang Gaji Kesaksamaan Gender
- Modul M : Buli di Sekolah
- Modul N : Keselamatan/ Gangguan/ Keganasan
- Modul O : Survei Kebahagiaan Rakyat Malaysia

### 1.2 PENDUDUK YANG DILIPUTI DALAM SURVEI

Survei ini akan dijalankan di seluruh negara, merangkumi Isi Rumah di bandar dan di luar bandar. Semua orang yang tinggal di tempat kediaman terpilih dan yang memenuhi syarat-syarat tertentu adalah termasuk dalam survei ini. (Untuk syarat-syarat ini, rujuk takrifan Isi Rumah di muka surat 5). Survei ini hanya meliputi orang yang tinggal di **tempat kediaman persendirian** di mana mereka adalah ahli biasa yang mendiami tempat kediaman tersebut.

**Tidak termasuk** dalam survei adalah mereka yang tinggal di **kawasan di bawah perlindungan diplomatik (kawasan kedutaan negara lain di Malaysia)** dan yang tinggal di **institusi** seperti rumah persinggahan, asrama, rumah anak yatim,

hotel, pusat pemulihan akhlak, penjara, hospital, klinik, rumah tumpangan dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi<sup>1</sup>.

**Nota:**

Anggota tentera atau polis dan keluarganya yang tinggal di tempat kediaman persendirian walaupun termasuk di dalam kawasan tentera atau polis akan diambil kira dalam survei ini.

### 1.3 TEMPOH RUJUKAN

NHIS menggunakan pendekatan “**taraf semasa**”, di mana satu tempoh masa tertentu telah digunakan bagi menentukan taraf aktiviti seseorang. Pungutan data survei ini dijalankan ke atas Isi Rumah di tempat kediaman (**TK**) terpilih pada hari survei iaitu pada September sehingga November 2021.

Tempoh rujukan adalah dalam tempoh 12 bulan yang lalu atau waktu semasa (bergantung kepada soalan).

<b>Tempoh survei dan rujukan bagi <i>National Household Indicators Survey</i></b>	
<b>Tempoh Rujukan</b>	<b>Tempoh Survei</b>
Dalam tempoh 12 bulan yang lalu atau waktu semasa (bergantung kepada soalan)	September – November 2021

Temu ramah juga dijalankan di semua kawasan di setiap negeri kecuali jika tempat kediaman terpilih terletak di kawasan yang sukar untuk dihubungi dan tidak kos efektif setelah disahkan oleh pengurusan DOSM Negeri dan diluluskan oleh Bahagian Metodologi & Penyelidikan di ibu pejabat DOSM.

### 1.4 TEMPAT KEDIAMAN (TK)

**TK** ialah struktur yang bebas dan terasing, digunakan untuk tempat kediaman tetap atau sementara.

---

<sup>1</sup> Tafsiran rumah kongsi juga bermaksud rumah buruh.

## 1.5 ISI RUMAH (IR)

**IR** terdiri daripada orang yang bersaudara dan/ atau tidak bersaudara yang **biasa tinggal bersama** dan **membuat peruntukan secara bersama** untuk makanan dan keperluan hidup lain.

Ciri-ciri IR seperti berikut:

- a) Kumpulan ini berkongsi peruntukan untuk makanan dan keperluan lain daripada sumber kewangan yang disatukan bagi membuat penyediaan yang sama dan biasanya hidup bersama;
- b) Sesebuah IR boleh terdiri daripada beberapa ahli atau mungkin seorang ahli sahaja;
- c) Orang-orang di dalam sesebuah TK mungkin mempunyai pertalian kekeluargaan atau tidak bersaudara atau gabungan kedua-duanya sekali; dan
- d) Biasanya satu IR mendiami sebuah TK. Walau bagaimanapun, kadangkala terdapat lebih daripada satu IR menduduki sesebuah TK.

## 1.6 KERAHSIAAN

Sebilangan responden terpilih berkemungkinan menolak untuk menjawab soal selidik dan enggan menjawab soalan yang diajukan kerana terdapat soalan-soalan yang agak sensitif dikhuatiri boleh menimbulkan perasaan kurang selesa dalam kalangan responden. Justeru, sebagai seorang penemuramah, anda diharapkan dapat menjelaskan kepada responden bahawa:

- a) Maklumat yang dikumpul akan dirahsiakan. Tiada maklumat mengenai mana-mana individu akan didedahkan, bahkan kepada sektor awam lain.
- b) Maklumat yang dikumpulkan akan diterbitkan dalam bentuk agregat bukan maklumat individu.

## 2. PANDUAN MENGISI SOAL SELIDIK

ARAHAN
1. Bagi <b>Tempat Kediaman (TK)</b> yang mempunyai lebih daripada satu <b>Isi Rumah (IR)</b> , soal selidik tambahan diperlukan bagi IR kedua dan seterusnya.
2. Soal selidik tambahan juga diperlukan bagi <b>Isi Rumah (IR)</b> yang mempunyai lebih daripada lima orang ahli biasa.
3. Bagi <b>soal selidik</b> tambahan: <u>Sila lengkapkan:</u> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Modul E (Butir-butir Pengenalan Diri), dijawab oleh semua ahli Isi Rumah</li><li>▪ Modul F (Taraf Perkahwinan), hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih</li><li>▪ Modul G (Kesuburan), hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah perempuan berumur 15 tahun dan lebih</li><li>▪ Modul H (Perkembangan Awal Kanak-Kanak), hanya dijawab untuk ahli Isi Rumah berumur 2 hingga kurang 5 tahun</li><li>▪ Modul I (Pendidikan), I1-I5: Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 3 tahun dan lebih I6-I11: Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah yang terlibat dengan Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020 I12-I18: Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 18 tahun dan ke bawah yang mengikuti kaedah <i>home schooling</i> I19-I22: Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 3 tahun dan lebih I23-I26: Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih</li><li>▪ Modul J (Pertanian), hanya dijawab oleh AIR berumur 18 tahun dan lebih</li><li>▪ Modul K (Hak Kesamarataan), hanya dijawab oleh AIR berumur 18 tahun dan lebih</li><li>▪ Modul L (Jurang Gaji Kesaksamaan Gender), hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih</li><li>▪ Modul M (Buli di Sekolah), hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 6 hingga kurang 18 tahun</li><li>▪ Modul N (Gangguan/ Keganasan), hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih</li><li>▪ Modul O (Survei Kebahagiaan Rakyat Malaysia), hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih</li></ul> <p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Modul A, B, C dan D hanya perlu dilengkapkan di <b>borang soal selidik set pertama SAHAJA</b> dan tidak perlu diisi di set seterusnya.</li><li>▪ Nombor ID akan diisi oleh <b>Penemuramah/ Pengekod</b>.</li></ul>

### 3. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Bahagian ini adalah untuk kegunaan pejabat dan akan dilengkapkan dengan butiran kerja luar dan butiran lain yang berkenaan oleh unit pengkodan setelah kerja luar selesai dijalankan.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Jumlah Isi Rumah</b>	1. Merujuk kepada jumlah ahli Isi Rumah survei dijalankan. 2. Contoh: Sekiranya terdapat 2 Isi Rumah dalam sesebuah TK, dan IR tersebut merupakan IR pertama, maka catatkan 01/02.
	<b>No. Kelompok</b>	<b>Nombor Kelompok</b> digunakan bagi tujuan prosesan.
	<b>Respon</b>	1. <b>Kod 1 “Selesai”</b> a) Merujuk kepada responden yang telah selesai menjawab soal selidik. b) Catatkan Kod “1” pada ruang yang disediakan. 2. <b>Kod 2 “Kosong”</b> a) Sebuah unit dianggap kosong jika biasanya ia tidak diduduki dan tidak digunakan sebagai tempat tinggal biasa pada hari temu ramah dijalankan. Iaitu, tiada seorang pun individu yang tinggal di tempat kediaman terpilih pada masa temu ramah dijalankan. b) Walau bagaimanapun, jika penghuni unit tersebut tiada di TK buat sementara waktu, unit tersebut adalah dianggap didiami. c) Dapatkan kepastian daripada jiran sekiranya tempat kediaman tersebut didapati kosong. d) Kategori “ <b>Kosong</b> ” adalah termasuk unit-unit rumah yang kosong seperti sebuah rumah, apartment atau rumah pangsa untuk disewa atau dijual. e) Catatkan Kod “2” pada ruang yang disediakan.



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>3. <b>Kod 3 “Tiada sesiapa di rumah”</b></p> <p>a) Catatkan Kod “3” jika syarat-syarat berikut dipenuhi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua penghuni <b>tiada di TK buat sementara waktu</b> kerana urusan pekerjaan, bercuti, menjaga saudara-mara yang sakit atau sebab-sebab lain;</li> <li>ii. Barang-barang kepunyaan penghuni seperti perabot dan perkakas rumah terdapat di TK berkenaan sebagai bukti rumah tersebut masih dihuni. Tentukan yang perabot-perabot tersebut adalah milik penghuni oleh sebab ia mungkin adalah unit rumah yang akan disewakan; atau</li> <li>iii. Unit tersebut <b>bukan untuk disewa atau dijual</b> dalam tempoh ditinggalkan.</li> </ul> <p>b) Jika penghuni dijangka akan pulang sebelum berakhirnya tempoh survei ini, tinggalkan surat lawatan semula dan buat lawatan semula. Jika penghuni tersebut dijangka tidak akan kembali sebelum berakhirnya tempoh survei, nyatakan pada soal selidik sebagai Kod “3” di ruang yang disediakan.</p> <p>4. <b>Kod 4 “Rumah dalam pembinaan”</b> Catatkan Kod “4” bagi unit-unit yang masih dalam proses pembinaan.</p> <p>5. <b>Kod 5 “Bukan T.K./ T.K. institusi”</b> Catatkan Kod “5” pada ruang yang disediakan bagi unit-unit yang digunakan secara tetap sebagai tempat perdagangan, perniagaan atau menyimpan barang.</p> <p>6. <b>Kod 6 “Telah roboh/ Rumah usang”</b> Catatkan Kod “6” pada ruang yang disediakan bagi unit-unit yang telah runtuh, dimusnahkan atau yang sedang diruntuhkan. Kategori ini termasuk unit</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>TK yang musnah terlibat dalam kebakaran/ banjir dan lain-lain.</p> <p>7. <b>Kod 7 “Tidak layak”</b>            Sesuatu Isi Rumah dilaporkan sebagai <b>“Tidak layak”</b> jika penghuninya bukan ahli biasa di TK terpilih. Catatkan Kod <b>“7”</b> jika TK terpilih bukan satu unit kosong yang didiami sekali-sekala sahaja seperti rumah yang digunakan semasa percutian/ persinggahan. Kategori ini termasuk unit TK yang tidak didiami oleh pemilik berkenaan tetapi dijadikan <b>“homestay”</b> atau <b>“rumah tamu”</b>.</p> <p>8. <b>Kod 8 “Enggan bekerjasama”</b>            a) Responden mungkin enggan memberi sebarang maklumat semasa temu ramah pertama dan lawatan seterusnya. Catatkan Kod <b>“8”</b> pada ruang yang disediakan.            b) Bagi kes ahli Isi Rumah yang berada di dalam rumah semasa pegawai kerja luar membuat lawatan, namun enggan keluar dari rumah untuk memberi maklum balas, kategori respon yang perlu diletakkan ialah <b>“Enggan bekerjasama”</b> walaupun tidak dapat bersemuka dengan responden, ini berdasarkan pemerhatian penemuramah.</p> <p>9. <b>Kod 9 “Lain-lain”</b>            a) Merujuk kepada lain-lain sebab selain daripada kod respon yang disediakan.            b) Catatkan Kod <b>“9”</b> pada ruang yang disediakan.</p> <p>10. <b>Kod 0 “Lain-lain (didiami)”</b>            a) Untuk tempat kediaman terpilih yang <b>didiami tetapi temu ramah tidak dapat dijalankan</b> disebabkan oleh kematian ahli keluarga, Isi Rumah diasingkan (kuarantin), responden yang boleh dipercayai tidak dapat ditemui selepas beberapa lawatan</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>dibuat (contoh: responden kanak-kanak), jalan tidak boleh dilalui (contoh: banjir) dan sebagainya.</p> <p>b) Catatkan Kod "0" pada ruang yang disediakan.</p>
	<b>Bil. Lawatan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Satu perjalanan mestilah dikira sebagai satu lawatan sekiranya anda singgah di sebuah rumah dengan niat menemu ramah Isi Rumah dan <i>contact</i> telah dibuat atau meninggalkan surat temu janji.</li> <li>2. Jika anda tidak dapat menghabiskan sesuatu temu ramah itu dalam masa dua kali lawatan dan jika temu ramah boleh disiapkan dalam lawatan-lawatan selanjutnya, maka lawatan ulangan perlu dibuat ke TK berkenaan sehingga soal selidik dapat dilengkapkan sebelum tempoh survei berakhir. Bagi lawatan yang selanjutnya, bilangan lawatan, tarikh lawatan dan lama masa yang diambil bagi temu ramah hendaklah dicatatkan pada ruangan "<b>Ulasan Penemuramah</b>".</li> </ol>
	<b>Masa Temu Ramah</b>	Masa yang diambil semasa menjalankan temu ramah.
	<b>Kumpulan Etnik Responden</b>	Kemukakan pertanyaan kepada responden mengenai kumpulan etnik. Catatkan jawapan pada ruangan yang disediakan untuk butiran ini. Jangan membuat sebarang andaian.
	<b>Kod Bahasa</b>	Catatkan kod bahasa yang digunakan semasa menjalankan temu ramah.
	<b>Tempoh Masa Temu Ramah (Minit)</b>	Tempoh masa yang diambil semasa menjalankan temu ramah iaitu daripada masa memulakan temu ramah hingga temu ramah ditamatkan. Catatkan dalam minit.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>MOD SURVEI</b>	Kaedah yang diguna pakai dalam pengumpulan data.
	<b>Kod 1 e-Survei</b>	<b>Kod 1 “e-Survei”</b> atau <i>electronic survey</i> merupakan satu mod yang memerlukan pengisian sendiri oleh responden secara online melalui laman sesawang yang diberikan.
	<b>Kod 2 Telefon/ CATI</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 2 “Telefon/ CATI”</b> merujuk kepada kaedah yang diguna pakai dalam pengumpulan data melalui telefon/ CATI.</li> <li>2. Survei melalui <b>telefon</b> merupakan satu mod yang digunakan dalam pengumpulan data. Nombor telefon digunakan oleh penemuramah untuk menghubungi dan mengumpul maklumat dari responden.</li> <li>3. <b>CATI</b> atau <i>Computer Assisted Telephone Interview</i> merupakan kaedah di mana penemuramah akan membuat temu ramah melalui panggilan berdasarkan nombor telefon yang diperolehi daripada maklumat Banci Penduduk (MyIPC).</li> </ol>
	<b>Kod 3 PAPI</b>	<b>Kod 3 “PAPI”</b> merujuk kepada <i>Paper And Pen Interview</i> . PAPI merupakan kaedah di mana penemuramah akan melawat TK untuk melakukan proses temu ramah secara bersemuka dengan responden dan mengisi maklumat yang diperolehi di dalam borang soal selidik.
	<b>Kod 4 DOPU</b>	<b>Kod 4 “DOPU”</b> merujuk kepada <i>Drop-off &amp; Pick-up</i> . DOPU merupakan kaedah di mana penemuramah akan meninggalkan borang soal selidik ( <i>drop off</i> ) di TK dan akan mengambil semula borang soal selidik ( <i>pick-up</i> ) yang telah diisi oleh responden.

## (1) BUTIR-BUTIR PENGENALAN DIRI

Dilengkapkan di pejabat **sebelum** kerja luar dijalankan.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan			
(a)	<b>Kod Negeri</b>	Catitkan Kod Negeri dua (2) digit pada kotak yang disediakan.			
(b)	<b>Kod Daerah Pentadbiran</b>	<ol style="list-style-type: none"><li><b>Daerah Pentadbiran</b> adalah kawasan pentadbiran yang diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang terdiri daripada mukim/ bandar/ pekan.</li><li>Catitkan kod Daerah Pentadbiran dua (2) digit pada kotak yang disediakan.</li></ol>			
(c)	<b>No. Daerah Banci</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>Setiap Daerah Banci dibahagikan kepada beberapa Lingkungan Banci di mana secara puratanya satu Lingkungan Banci mengandungi 7 Blok Perhitungan. Secara umumnya, terdapat 80 hingga 120 Blok Penghitungan.</li><li>Catitkan kod Daerah Banci tiga (3) digit pada kotak yang disediakan.</li></ol>			
(d)	<b>No. Blok Perhitungan (B.P)</b>	<ol style="list-style-type: none"><li><b>Blok Perhitungan</b> merupakan sempadan statistik dan diwujudkan untuk tujuan operasi survei.</li><li>Catitkan Nombor Blok Penghitungan (3) digit pada kotak yang disediakan.</li><li>Contoh: No. B.P. 101 dicatitkan sebagai <table border="1" data-bbox="922 1375 1096 1417"><tr><td>1</td><td>0</td><td>1</td></tr></table></li></ol>	1	0	1
1	0	1			
(e)	<b>Strata</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>Strata merujuk kepada sama ada sesuatu tempat kediaman itu terletak di dalam kawasan metropolitan, bandar besar, bandar kecil atau luar bandar. Maklumat strata akan diberi kepada anda sebelum menjalankan temu ramah.</li><li>Catitkan kod strata yang diberikan sama ada 1, 2, 3 atau 4 bagi Semenanjung Malaysia, atau 1, 2, 3, 5, 6 bagi Sabah, WP Labuan dan Sarawak.</li></ol>			

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
(f)	No. Tempat Kediaman	Catatkan nombor Tempat Kediaman tiga (3) digit pada kotak disediakan.

## (2) BUTIR-BUTIR KAWALAN

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
(a)	Jumlah keseluruhan orang yang <b>BIASA TINGGAL</b> di TK ini	Rekodkan bilangan ahli Isi Rumah yang biasa tinggal di Tempat Kediaman ini.
(b)	Bilangan IR yang <b>TINGGAL</b> di TK ini	Rekodkan bilangan Isi Rumah yang terdapat di dalam Tempat Kediaman ini.
(c)	Nombor IR	Rekodkan nombor Isi Rumah berkaitan.
	(i) Jumlah	Nyatakan jumlah bilangan ahli Isi Rumah di Tempat Kediaman.
	(ii) Lelaki	Nyatakan bilangan ahli Isi Rumah lelaki.
	(iii) Perempuan	Nyatakan bilangan ahli Isi Rumah perempuan.

## (3) TARIKH DAN MASA TEMU RAMAH

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	Bil. Lawatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Satu perjalanan mestilah dikira sebagai satu lawatan sekiranya anda singgah di sebuah rumah dengan niat menemu ramah Isi Rumah dan <i>contact</i> telah dibuat atau meninggalkan surat temu janji.</li> <li>Jika anda tidak dapat menghabiskan sesuatu temu ramah itu dalam masa dua kali lawatan dan jika temu ramah boleh disiapkan dalam lawatan-lawatan selanjutnya, maka lawatan ulangan perlu dibuat ke TK berkenaan sehingga soal selidik dapat dilengkapi sebelum tempoh survei berakhir. Bagi</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		lawatan yang selanjutnya, bilangan lawatan, tarikh lawatan dan lama masa yang diambil bagi temu ramah hendaklah dicatatkan pada ruangan <b>“Ulasan Penemuramah”</b> .
	<b>Lawatan Pertama</b> <b>Tarikh:</b> <b>Masa: Dari, Hingga, Jumlah</b> <b>Hasil Lawatan:</b> <b>Nama Penemuramah:</b> <b>Bahasa Penemuramah:</b>	1. Catatkan tarikh lengkap (hari, bulan dan tahun) temu ramah dijalankan pada ruangan yang disediakan mengikut bilangan lawatan yang dilakukan. 2. Ruangan telah disediakan bagi merekodkan dua lawatan bagi satu Isi Rumah dalam tempoh survei selagi unit TK berada dalam sampel. Jika temu ramah telah dibuat, catatkan masa temu ramah dimulakan dan temu ramah ditamatkan.
	<b>Lawatan Kedua</b> <b>Tarikh:</b> <b>Masa: Dari, Hingga, Jumlah</b> <b>Hasil Lawatan:</b> <b>Nama Penemuramah:</b> <b>Bahasa Penemuramah:</b>	3. Satu perjalanan mestilah dikira sebagai satu lawatan sekiranya anda singgah di sebuah rumah dengan niat menemui ramah Isi Rumah dan <i>contact</i> telah dibuat atau meninggalkan surat temu janji. 4. Jika anda tidak dapat menghabiskan sesuatu temu ramah itu dalam masa dua kali lawatan dan jika temu ramah boleh disiapkan dalam lawatan-lawatan selanjutnya, maka lawatan ulangan perlu dibuat ke TK berkenaan sehingga soal selidik dapat dilengkapkan sebelum tempoh survei berakhir. Bagi lawatan yang selanjutnya, bilangan lawatan, tarikh lawatan dan lama masa yang diambil bagi temu ramah hendaklah dicatatkan pada ruangan <b>“Ulasan Penemuramah”</b> . 5. Lama masa temu ramah hanya merujuk kepada masa yang diambil semasa menjalankan temu ramah iaitu daripada masa memulakan temu ramah hingga temu ramah ditamatkan.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		6. Catatkan nama anda pada ruangan nama penemu ramah dan catatkan bahasa yang digunakan semasa menjalankan temu ramah.
	<b>Sebab-sebab TIDAK Ditemuramah</b>	<p>1. Jika anda gagal membuat temu ramah setelah beberapa kali mencuba, isikan butiran ini.</p> <p>2. Untuk kes-kes di mana temu ramah tidak dapat dijalankan, ulasan hendaklah dibuat dalam borang "<b>Ulasan Penemuramah</b>".</p> <p>3. Sebab-sebab utama tiada sambutan adalah seperti berikut:</p> <p>a) <b>Tiada sesiapa di rumah (TSD)</b>  Satu Isi Rumah hendaklah dilaporkan sebagai 'Tiada sesiapa di rumah' atau TSD jika syarat-syarat berikut dipenuhi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Semua penghuni <b>tiada di TK buat sementara waktu</b> kerana urusan pekerjaan, bercuti, menjaga saudaramara yang sakit atau sebab-sebab lain;</li> <li>ii. Barang-barang kepunyaan penghuni seperti perabot dan perkakas rumah terdapat di TK berkenaan sebagai bukti rumah tersebut masih dihuni. Tentukan yang perabot-perabot tersebut adalah milik penghuni oleh sebab ia mungkin adalah unit rumah yang akan disewakan; atau</li> <li>iii. Unit tersebut <b>bukan untuk disewa atau dijual</b> dalam tempoh ditinggalkan.</li> </ol> <p>Jika penghuni dijangka akan pulang sebelum berakhirnya tempoh survei ini, tinggalkan surat lawatan semula dan buat lawatan semula. Jika penghuni tersebut dijangka tidak akan kembali sebelum berakhirnya tempoh survei,</p>



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>nyatakan pada soal selidik sebagai <b>“Tiada sesiapa di rumah”</b> di ruang yang disediakan.</p> <p>b) <b>Enggan bekerjasama</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Responden mungkin enggan memberi sebarang maklumat semasa temu ramah pertama atau mereka hanya menyatakan tiada sebarang perubahan mengenai maklumat yang diberi jika beliau telah ditemu ramah sebelumnya. Laporkan <b>“Enggan bekerjasama”</b> sebagai sebab di ruang yang disediakan. Jelaskan kepada responden kedudukan sebenar survei dan minta responden bekerjasama untuk temu ramah yang lain.</li> <li>ii. Bagi kes TK ulangan, TK tersebut <b>masih perlu dilawati</b> atau dihubungi dan responden perlu ditemu ramah bagi mengesahkan maklumat ahli Isi Rumah. Sekiranya responden masih enggan memberikan kerjasama selepas dua kali lawatan, kes ini dikategorikan sebagai <b>“Enggan bekerjasama”</b>.</li> <li>iii. Bagi kes ahli Isi Rumah yang berada di dalam rumah semasa pegawai kerja luar membuat lawatan, namun enggan keluar dari rumah untuk memberi maklum balas, kategori respon yang perlu diletakkan ialah <b>“Enggan bekerjasama”</b> walaupun tidak dapat bersemuka dengan responden, ini berdasarkan pemerhatian penemuramah.</li> </ol> <p>c) <b>Unit kosong</b></p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>i. Sebuah unit dianggap kosong jika biasanya ia tidak diduduki dan tidak digunakan sebagai tempat tinggal biasa pada hari temu ramah dijalankan. Iaitu, tiada seorang pun individu yang tinggal di tempat kediaman terpilih pada masa temu ramah dijalankan.</p> <p>ii. Walau bagaimanapun, jika penghuni unit tersebut tiada di TK buat sementara waktu, unit tersebut adalah dianggap didiami.</p> <p>iii. Dapatkan kepastian daripada jiran sekiranya tempat kediaman tersebut didapati kosong.</p> <p>iv. Kategori "<b>Kosong</b>" adalah termasuk unit-unit rumah yang kosong seperti sebuah rumah, apartment atau rumah pangsa untuk disewa atau dijual.</p> <p>d) <b>Telah roboh</b> Laporkan "<b>Telah roboh</b>" pada ruang yang disediakan bagi unit-unit yang telah runtuh, dimusnahkan atau yang sedang diruntuhkan. Kategori ini termasuk unit TK yang musnah terlibat dalam kebakaran/ banjir dan lain-lain.</p> <p>e) <b>Bukan tempat kediaman atau TK institusi (TKI)</b> Laporkan "<b>Bukan tempat kediaman</b>" atau "<b>TK institusi</b>" pada ruang yang disediakan bagi unit-unit yang digunakan secara tetap sebagai tempat perdagangan, perniagaan atau menyimpan barang.</p> <p>f) <b>Rumah sedang dalam pembinaan</b></p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>Laporkan "<b>Rumah sedang dalam pembinaan</b>" bagi unit-unit yang masih dalam proses pembinaan.</p> <p>g) <b>Rumah usang</b> Laporkan "<b>Rumah usang</b>" untuk unit yang berkeadaan <b>tidak boleh diperbaiki dan tidak sesuai untuk didiami</b>.</p> <p>h) <b>Tiada sambutan/ Lain-lain (nyatakan)</b> Untuk unit-unit yang tidak dapat dikelaskan dalam mana-mana kategori di atas, hendaklah dimasukkan sebagai "<b>Tiada sambutan lain-lain</b>" dan tanyakan sebabnya. Contoh bagi kes ini adalah seperti kesalahan penyenaian atau terletak di luar sempadan penyenaian.</p> <p>i) <b>Lain-lain (didiami)</b> Untuk tempat kediaman terpilih yang <b>didiami tetapi temu ramah tidak dapat dijalankan</b> disebabkan oleh kematian ahli keluarga, Isi Rumah diasingkan (kuarantin), responden yang boleh dipercayai tidak dapat ditemui selepas beberapa lawatan dibuat (contoh: responden kanak-kanak), jalan tidak boleh dilalui (contoh: banjir) dan sebagainya.</p> <p>j) <b>Tidak layak</b> Sesuai Isi Rumah dilaporkan sebagai "<b>Tidak layak</b>" jika penghuninya bukan ahli biasa di TK terpilih. TK terpilih bukan satu unit kosong yang didiami sekali-sekala sahaja seperti rumah yang digunakan semasa percutian/persinggahan. Kategori ini termasuk unit TK yang tidak didiami oleh pemilik berkenaan tetapi dijadikan "<i>homestay</i>" atau "rumah tamu".</p>

<b>No. Soalan</b>	<b>Soalan/ Kod</b>	<b>Arahan</b>
	<b>Nama Pengekod</b>	Catatkan nama pengekod survei pada ruang yang disediakan.
	<b>Tarikh</b>	Catatkan tarikh survei ini dilakukan.

#### 4. MODUL SOALAN

##### MODUL A: MAKLUMAT RESPONDEN

Pada soal selidik Modul A, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat responden.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
A1	Nama Responden	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Butiran ini adalah merujuk kepada nama orang yang akan anda temu ramah. Cuba seberapa yang boleh untuk menemu ramah ketua Isi Rumah atau isteri atau suami atau orang yang bertanggungjawab dalam Isi Rumah tersebut.</li><li>2. Responden merujuk kepada orang yang ditemuramah ketika survei dijalankan. Digalakkan untuk menemuramah KIR atau isteri/ suami kepada KIR atau orang yang bertanggungjawab dalam IR tersebut.</li><li>3. Jika orang yang bertanggungjawab dalam Isi Rumah berkenaan tidak dapat ditemui walaupun setelah beberapa kali mencuba, anda hendaklah cuba seboleh-bolehnya mendapatkan maklumat daripada anak-anak responden, pembantu rumah (jika ada) atau jiran tetangga. Walau bagaimanapun, <b>catatan hendaklah dibuat di ruangan "Ulasan Penemuramah" yang menyatakan butir-butir tersebut hanya anggaran (proksi)</b>. Ruangan ulasan penemuramah berada di muka surat terakhir borang soal selidik.</li></ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
A2	<p><b>Nombor Telefon</b></p> <p>i) Rumah ii) Bimbit iii) Pejabat ..... samb.</p> <p><b>NOTA: Nombor ini akan dihubungi untuk pertanyaan lanjut (Sekiranya perlu)</b></p>	<p>Nombor telefon merujuk kepada nombor telefon individu yang telah ditemuramah sama ada nombor telefon rumah/ bimbit/ pejabat. Keutamaan diberikan kepada nombor telefon KIR atau orang yang bertanggungjawab dalam IR berkenaan.</p>
A3	E-mel	<p>Alamat e-mel adalah merujuk kepada alamat e-mel ketua Isi Rumah. Jika tiada, dapatkan alamat e-mel ahli Isi Rumah yang lain.</p>

## MODUL B: ALAMAT LENGKAP

Pada soal selidik Modul B, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat berhubung alamat lengkap responden.

Cara pengisian alamat lengkap, perlu ditulis dengan ejaan penuh.

### Contoh:

Salah	Betul
KL	Kuala Lumpur
N9	Negeri Sembilan
Penang	Pulau Pinang
Sel./ Slgor	Selangor
Aptmt	Apartment
Condo/ Kondo	Condominium/ Kondominium
Bt.	Batu
Bdr.	Bandar
Bkt.	Bukit
Jln	Jalan
Kg	Kampung
Sg.	Sungai
Tmn	Taman
No.6	6
Lrg.	Lorong
Pt.	Parit

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
B1	Nombor Rumah/ Unit/ Lot	1. Alamat tempat kediaman adalah merujuk kepada alamat tempat kediaman yang ditemu ramah. 2. Di kawasan bandar, alamat tempat kediaman adalah merujuk kepada alamat surat-menyurat. Bagi kawasan luar bandar, alamat surat-menyurat biasanya menggunakan alamat rumah penghulu atau kedai di kampung tersebut. Dengan demikian, bagi kawasan luar bandar " <b>Alamat Tempat Kediaman</b> " hendaklah merujuk kepada tempat kediaman tersebut.
B2	Nombor Tingkat	
B3	Nombor Blok	
B4	Bangunan/ Pangsapuri/ Kondominium	
B5	Jalan/ Batu/ Lorong/ Parit	
B6	Taman/ Kampung/ Desa/ Presint	
B7	Bandar	
B8	Poskod	
B9	Negeri	

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>3. Anda hendaklah menulis alamat penuh termasuk nama penuh jalan atau sesuatu lokaliti. <b>Jangan menggunakan huruf-huruf singkatan untuk alamat</b> kecuali singkatan yang biasa digunakan seperti Tmn.(Taman), Kg.(Kampung), Sg.(Sungai), Bkt.(Bukit), Bt.(Batu), Jln.(Jalan), Lrg.(Lorong) dan lain-lain.</p> <p>4. Bagi alamat unit sampel yang telah disalin daripada rekod penyenaian, buat pindaan pada <b>Modul B</b> jika alamat tersebut tidak lengkap. Jika terdapat sebarang perubahan pada alamat yang diberi, anda hendaklah menulis alamat baru dan nyatakan pada ruangan <b>“Ulasan Penemuramah”</b>. Pastikan no. telefon responden juga diperoleh untuk tujuan semakan dan pengesahan data yang dipungut. Sekiranya kediaman responden sedang diubah suai manakala responden tinggal di rumah sementara, alamat yang perlu ditulis ialah alamat TK yang biasa didiami responden.</p>






## MODUL C: TEMPAT KEDIAMAN

Pada soal selidik Modul C, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai topik-topik seperti kemudahan membasuh tangan, perkhidmatan sanitasi asas dan penggunaan tenaga. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar


- Peratusan penduduk yang menggunakan perkhidmatan sanitasi yang diuruskan dengan selamat dan kemudahan mencuci tangan dengan sabun dan air;
- Peratusan penduduk dengan pergantungan utama kepada bahan api dan teknologi bersih; dan
- Peratusan penduduk luar bandar yang tinggal dalam jarak 2 km dari jalan yang boleh digunakan sepanjang tahun.


No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh Ketua Isi Rumah atau wakil Ketua Isi Rumah (C1-C11)</b>		
<b>C1</b>	<b>Berapakah jarak daripada Tempat Kediaman anda ke jalan terdekat yang boleh diakses dengan kenderaan bermotor?</b>  <b>NOTA:</b> <b>Sila nyatakan jarak Tempat Kediaman anda bagi kedua-dua jenis jalan seperti dalam (1) &amp; (2).</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tujuan soalan ini diajukan untuk mengetahui sejauh mana jarak Tempat Kediaman KIR dengan jalan yang boleh diakses dengan kenderaan bermotor yang paling hampir.</li> <li>Soalan ini juga ditanyakan bagi menentukan keadaan jalan tersebut.</li> <li><b>Kenderaan bermotor</b> merujuk kepada kereta, lori, bas, motosikal dan basikal berenjin.</li> </ol>
	<b>Jenis jalan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Jenis jalan</b> merujuk kepada keadaan jalan raya.</li> <li>Nyatakan jarak di petak yang disediakan.               <ol style="list-style-type: none"> <li>Sekiranya 1 km, isikan "1.0" km;</li> <li>Sekiranya 500 m, isikan "0.5" km;</li> <li>Sekiranya kurang daripada 100 m, isikan "0.0" km.</li> </ol> </li> </ol>
	<b>Kod 1 Jalan berturap</b>	<b>Kod 1 "Jalan berturap"</b> merujuk kepada jalan bertar yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain agensi.
	<b>Kod 2 Jalan tidak berturap</b>	<b>Kod 2 "Jalan tidak berturap"</b> merujuk kepada jalan yang menggunakan permukaan tanah asal seperti jalan tanah merah atau permukaan lebih keras seperti batu kerikil dan agregat (batu-batan).


No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<p><b>Kemudahan membasuh tangan</b> Soalan-soalan di bawah bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai kemudahan membasuh tangan menggunakan air dan sabun di kediaman responden.</p>		
C2	<p><b>Adakah anda mempunyai kemudahan membasuh tangan di Tempat Kediaman anda?</b></p>	<p>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada KIR mempunyai kemudahan membasuh tangan di Tempat Kediaman.</p>
	<p><b>Contoh</b></p>	<p>Singki/ paip air/ bekas air</p> <p>1. Singki</p>  <p>2. Paip air</p> 

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>3. Bekas air</p>  <p>4. Tadahan air di beranda</p> 
	<p><b>Kod 1</b> <b>Ya</b></p>	<p><b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada kediaman KIR mempunyai kemudahan membasuh tangan.</p>
	<p><b>Kod 2</b> <b>Tidak</b></p>	<p>1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada kediaman KIR tidak mempunyai kemudahan membasuh tangan. 2. Sekiranya KIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b>, terus ke <b>C4</b>.</p>
<p><b>C3</b></p>	<p><b>Apakah yang anda gunakan untuk membasuh tangan?</b></p>	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui apakah yang digunakan oleh KIR untuk membasuh tangan. 2. <i>Sanitizer</i> tangan tidak dikira sebagai agen pembersih untuk membasuh tangan.</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	Kod 1 Air	<b>Kod 1 “Air”</b> merujuk kepada KIR membasuh tangan dengan menggunakan air sahaja.
	Kod 2 Air dan sabun	<b>Kod 2 “Air dan sabun”</b> merujuk kepada KIR membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun.
<b>Perkhidmatan sanitasi asas</b>		
<b>C4</b>	<b>Adakah Tempat Kediaman anda mempunyai kemudahan tandas?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada kediaman KIR mempunyai kemudahan tandas ataupun tidak.
	Kod 1 Ya	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada kediaman KIR mempunyai kemudahan tandas.
	Kod 2 Tidak	1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada kediaman KIR tidak mempunyai kemudahan tandas. 2. Sekiranya KIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b> , terus ke <b>C10</b> .
<b>C5</b>	<b>Sekiranya Ya pada C4, apakah jenis kemudahan tandas yang digunakan?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengenal pasti jenis kemudahan tandas yang digunakan di kediaman KIR.
	Kod 1 Tandas pam/ tarik/ automatik	<b>Kod 1 “Tandas pam/ tarik/ automatik”</b> merupakan jenis-jenis tandas yang menggunakan tangki air untuk menyingkir bahan buangan manusia di mana kebiasanya terdapat di setiap kediaman.
	Kod 2 Tandas curah	<b>Kod 2 “Tandas curah”</b> merupakan jenis tandas yang menggunakan air yang dicurah untuk menyingkir bahan buangan manusia (bukan tandas pam/ tarik/ automatik).



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		
	<b>Kod 3 Lain-lain (Nyatakan)</b>	<b>Kod 3 “Lain-lain (Nyatakan)”</b> merujuk kepada jenis tandas selain daripada jenis-jenis tandas yang disenaraikan di atas. Catatkan jenis tandas yang digunakan di kediaman pada ruang yang disediakan.
<b>C6</b>	<b>Adakah anda berkongsi kemudahan tandas ini bersama orang lain yang bukan ahli Isi Rumah anda?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengenalpasti sama ada KIR berkongsi kemudahan tandas di kediamannya bersama orang lain yang bukan ahli Isi Rumahnya.</li> <li>2. Kebersihan tandas yang dikongsi bersama orang lain kurang terjamin berbanding tandas yang hanya dikongsi dengan ahli Isi Rumah dan boleh memberi kesan negatif terhadap privasi, maruah dan keselamatan, terutama bagi wanita dan gadis.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada KIR berkongsi kemudahan tandas di kediamannya bersama orang lain yang bukan ahli Isi Rumahnya.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada KIR yang tidak berkongsi kemudahan tandas di kediamannya bersama orang lain yang bukan ahli Isi Rumahnya.




No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
C7	<p>Bagi tandas pam/ tarik/ automatik/ curah, ke manakah kumbahan itu disalurkan?</p> <p><b>NOTA:</b>            Jika Tempat Kediaman ini menerima bil daripada penyedia perkhidmatan pengurusan kumbahan seperti Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Majaari Services Sdn. Bhd (Kelantan), Jabatan Perkhidmatan Pembentukan Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Pembentukan Sarawak, ini bermaksud Tempat Kediaman itu menggunakan sistem pembedungan bersambung.</p>	<p>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengenalpasti sama ada KIR mengetahui ke manakah kumbahan itu disalurkan.</p>
	<p><b>Kod 1</b>            Tangki septik individu</p>	<p><b>Kod 1 “Tangki septik individu”</b> merujuk kepada tangki rawatan bahan kumbahan yang biasa digunakan di kawasan kediaman rumah perseorangan.</p> 
	<p><b>Kod 2</b>            Sistem pembedungan bersambung</p>	<p>1. <b>Kod 2 “Sistem pembedungan bersambung”</b> merujuk kepada sistem penyaliran najis, air kumbahan dan sebagainya ke loji pemrosesannya melalui</p>



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>rangkaian longkang atau saluran bawah tanah.</p> <p>2. Sekiranya KIR menjawab <b>Kod 2 “Sistem pembetulan bersambung”</b>, terus ke <b>C10</b>.</p>  <p>The diagram illustrates a cross-section of a building's sewerage system. It shows a household toilet on the ground floor. A vertical vent pipe extends from the toilet through the roof. A pipe carries wastes from the toilet, kitchen, and bathroom down to a sewer connection in the ground. This connection leads to a main sewer line that runs horizontally underground.</p>
	<b>Kod 3 Lain-lain (Nyatakan)</b>	<p>1. <b>Kod 3 “Lain-lain (Nyatakan)”</b> merujuk kepada jawapan selain yang disenaraikan di atas, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.</p> <p>2. Sekiranya KIR menjawab <b>Kod 3 “Lain-lain (Nyatakan)”</b>, terus ke <b>C10</b>.</p>
<b>C8</b>	<b>Adakah tangki septik tersebut dikosongkan?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada tangki septik di kediaman KIR dikosongkan atau tidak.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> membawa maksud tangki septik di kediaman KIR dikosongkan.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<p>1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada tangki septik di kediaman KIR tidak dikosongkan.</p> <p>2. Sekiranya KIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b>, terus ke <b>C10</b>.</p>
<b>C9</b>	<b>Di manakah kumbahan itu dihantar/ ditempatkan?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada KIR mengetahui lokasi kumbahan itu dihantar atau ditempatkan.
	<b>Kod 1 Tempat rawatan (oleh penyedia perkhidmatan)</b>	<b>Kod 1 “Tempat rawatan (oleh penyedia perkhidmatan)”</b> merujuk kepada loji rawatan kumbahan iaitu tempat memproses bahan

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		buangan daripada air sisa, terutamanya daripada kumbahan di rumah.
	<b>Kod 2 Lain-lain (Nyatakan)</b>	<b>Kod 2 “Lain-lain (Nyatakan)”</b> merujuk kepada jawapan selain yang disenaraikan di atas, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.
<b>C10</b>	<b>Apakah jenis dapur utama yang digunakan untuk memasak?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jenis dapur utama yang digunakan KIR untuk memasak di rumah.</li> <li>2. Sila pilih satu jawapan sahaja.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Dapur gas memasak/ Gas Petroleum Cecair (LPG)/ Gas Asli Cecair (LNG)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 1 “Dapur gas memasak/ Gas Petroleum Cecair (LPG)/ Gas Asli Cecair (LNG)”</b> merupakan dapur yang menggunakan gas petroleum cecair (LPG) atau gas asli cecair (LNG) sebagai bahan bakar untuk memasak.</li> <li>2. <b>LPG</b> adalah dalam bentuk gas pada suhu dan tekanan persekitaran biasa, tetapi menjadi cecair apabila dimampatkan. Untuk pengedaran kepada pengguna, LPG dibotolkan dalam tong gas individu berbentuk silinder dalam pelbagai saiz (antara 3 kg hingga 50 kg atau lebih besar). Bekas kosong ini biasanya perlu dikembalikan ke stesen pembotolan untuk diisi semula.</li> <li>3. Contoh dapur gas petroleum cecair (LPG)</li> </ol> <div data-bbox="1052 1417 1295 1738" data-label="Image"> </div>






No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>4. <b>LNG</b> disalurkan ke rumah, perniagaan dan industri di mana ia dibakar untuk panas atau untuk menjana elektrik.</p> <p>5. Contoh Gas Asli Cecair (LNG)</p> 
	<p><b>Kod 2</b> <b>Dapur solar</b></p>	<p>1. <b>Kod 2 “Dapur solar”</b> merupakan dapur yang menggunakan tenaga solar, mengubahnya menjadi panas dan mengekalkan haba tersebut untuk memasak. Dapur solar terdapat dalam pelbagai bentuk, termasuk parabola, segi empat dan panel.</p> <p>2. Contoh dapur solar</p> <p>a) Dapur solar segi empat</p> 

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>b) Dapur solar parabola</p> 
	<p><b>Kod 3</b> <b>Dapur elektrik</b></p>	<p>1. <b>Kod 3 “Dapur elektrik”</b> merupakan dapur yang menggunakan tenaga elektrik bagi penghasilan haba untuk memasak. Tenaga elektrik yang menghidupkan dapur ini dihasilkan di luar rumah dan diedarkan ke rumah melalui grid atau mikro grid. Ia juga boleh dihasilkan di rumah melalui penjana tetap/ mudah alih atau sistem solar.</p> <p>2. Contoh dapur elektrik</p> <p>a) Dapur elektrik</p>  <p>b) Dapur induksi</p> 

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<p><b>Kod 4</b> <b>Dapur minyak tanah</b></p>	<p>1. <b>Kod 4 “Dapur minyak tanah”</b> merupakan dapur yang menggunakan minyak tanah sebagai bahan pembakar.</p> <p>2. Contoh dapur minyak tanah</p> 
	<p><b>Kod 5</b> <b>Dapur kayu/ arang</b></p>	<p>1. <b>Kod 5 “Dapur kayu/ arang”</b> merupakan dapur yang menggunakan kayu atau arang yang dibakar bagi menghasilkan api untuk memasak.</p> <p>2. Contoh dapur kayu/ arang</p> <p>a) Dapur kayu</p>  <p>b) Dapur arang</p> 

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 6 Lain-lain (Nyatakan)</b>	<b>Kod 6 “Lain-lain (Nyatakan)”</b> merujuk kepada jawapan selain yang disenaraikan di atas, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.
<b>C11</b>	<b>Apakah sumber utama yang digunakan untuk pencahayaan di Tempat Kediaman anda?</b>  <b>Kod 1 Elektrik</b>	<p>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jenis punca utama yang digunakan bagi mendapatkan pencahayaan di Tempat Kediaman.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>Kod 1 “Elektrik”</b> merupakan tenaga yang boleh dihasilkan di luar rumah dan diedarkan ke rumah melalui grid atau mikro-grid. Ia juga dapat dihasilkan di rumah dengan penjana tetap atau penjana mudah alih atau sistem solar.</li> <li>Contoh pencahayaan yang menggunakan elektrik             <ol style="list-style-type: none"> <li>Mentol pijar dan kabel elektrik                 <div data-bbox="1068 1010 1130 1293" data-label="Image"> </div> </li> <li>Lampu pendarfluor                 <div data-bbox="954 1493 1224 1650" data-label="Image"> </div> </li> </ol> </li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>c) Mentol LED</p> 
	<p><b>Kod 2 Solar</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 2 “Solar”</b> merupakan cahaya yang dihasilkan melalui panel solar. Panel solar berfungsi untuk menukarkan cahaya UV matahari kepada elektrik pada siang hari.</li> <li>2. Contoh pencahayaan yang menggunakan solar</li> </ol>  

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		
	<p><b>Kod 3</b> <b>Penjana kuasa individu</b></p>	<p>1. <b>Kod 3 “Penjana kuasa individu”</b> merupakan satu proses pengeluaran tenaga elektrik dengan jumlah yang besar hasil daripada penukaran tenaga mekanik kepada tenaga elektrik.</p> <p>2. Contoh pencahayaan yang menggunakan penjana kuasa individu</p> 
	<p><b>Kod 4</b> <b>Lain-lain (Nyatakan)</b></p>	<p><b>Kod 4 “Lain-lain (Nyatakan)”</b> merujuk kepada jawapan selain yang disenaraikan, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.</p>

## MODUL D: ISI RUMAH

Pada soal selidik Modul D, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai topik-topik seperti pendapatan, pendaftaran kelahiran, pendaftaran kematian dan sisa makanan Isi Rumah. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar

- a) Peratusan kanak-kanak yang kelahirannya didaftarkan dengan pihak berkuasa awam;
- b) Peratusan kelahiran tidak berdaftar;
- c) Peratusan kematian tidak berdaftar; dan
- d) Peratusan nilai anggaran sisa makanan dan penyebab utama kepada pembaziran makanan di rumah.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh Ketua Isi Rumah atau wakil Ketua Isi Rumah (D1-D4)</b>		
<p><b>NOTA:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Isi Rumah</b> terdiri daripada orang yang bersaudara dan/ atau yang tidak bersaudara yang BIASANYA TINGGAL BERSAMA dan MEMBUAT PERUNTUKAN BERSAMA untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.</li> <li>2. <b>Ketua Isi Rumah</b> adalah mana-mana ahli Isi Rumah yang BIASA TINGGAL di Tempat Kediaman ini dan dirujuk sebagai Ketua oleh ahli Isi Rumah yang lain.</li> </ol>		
	<b>Nombor ahli</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mulakan dengan 01 (KIR), 02 dan seterusnya.</li> <li>2. No. Ahli adalah merujuk kepada AIR yang berbeza.</li> </ol>
<b>D1</b>	<b>Senaraikan nama orang yang BIASA TINGGAL bersama sebagai AIR ini</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuliskan nama ahli biasa Isi Rumah. Sebelum mengisi nama ahli, tanya AIR terlebih dahulu ahli yang dianggap sebagai Ketua Isi Rumah (KIR).</li> <li>2. Senaraikan nama mengikut susunan berikut:               <ol style="list-style-type: none"> <li>a. KIR;</li> <li>b. Isteri/ Suami KIR;</li> <li>c. Anak KIR yang belum berkahwin;</li> <li>d. Anak KIR yang telah berkahwin;</li> <li>e. Menantu perempuan/ lelaki KIR;</li> <li>f. Cucu KIR;</li> <li>g. Bapa/ ibu KIR atau kepada isteri/ suami KIR;</li> <li>h. Datuk/ nenek KIR kepada isteri/ suami KIR;</li> <li>i. Abang/ kakak/ adik KIR atau kepala isteri/ suami KIR;</li> </ol> </li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<ul style="list-style-type: none"> <li>j. Orang lain yang bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR;</li> <li>k. Pembantu rumah; dan</li> <li>l. Orang lain yang tidak bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR.</li> </ul> <p>3. Bagi TK yang mempunyai lebih dari satu IR, gunakan soal selidik yang berasingan bagi setiap IR.</p> <p>4. Bagi IR yang lebih lima orang ahli, soal selidik tambahan diperlukan.</p> <p>5. Pastikan urutan nama dan nombor ahli di D1 sama dengan urutan nombor ahli di Bahagian E.</p>
D2	<b>Hubungan dengan Ketua Isi Rumah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Tuliskan pertalian setiap AIR dengan KIR seperti yang disenaraikan di D1.</li> <li>2. Catatkan jawapan dengan jelas seperti isteri, suami, anak, menantu, cucu, abang, kakak, sepupu dan sebagainya.</li> </ul>
D3	<b>Jantina</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Kod jantina bagi lelaki ialah 1 dan perempuan ialah 2.</li> <li>2. Tuliskan kod jantina bagi setiap AIR yang disenaraikan.</li> <li>3. Jangan membuat andaian berdasarkan nama ahli tersebut.</li> </ul>
D4	<b>Umur</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Maklumat umur yang dikehendaki ialah <b>umur dalam tahun genap (umur pada hari jadi yang terakhir)</b> pada tarikh survei.</li> <li>2. Catatkan umur tiga (3) digit pada kotak yang disediakan.</li> </ul>
<b>Hanya dijawab oleh Ketua Isi Rumah atau wakil Ketua Isi Rumah (D5-D9)</b>		
<b>Pendapatan</b>		
D5	<b>Berapakah anggaran jumlah pendapatan kasar bulanan yang diterima oleh Isi Rumah ini daripada pelbagai sumber termasuk daripada harta dan pindahan semasa?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui anggaran jumlah pendapatan kasar bulanan yang diterima oleh Isi Rumah ini daripada pelbagai sumber termasuk daripada harta dan pindahan semasa.</li> </ul>



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<p><b>NOTA:</b></p> <p>a) Pendapatan daripada harta benda (contoh; royalti, dividen, faedah, bayaran sewa)</p> <p>b) Pindahan semasa yang diterima terdiri daripada kiriman wang dari Isi Rumah lain, nafkah, pencen dan bantuan-bantuan lain yang diterima secara berkala.</p>	<p>2. Jumlah pendapatan kasar bulanan yang diterima oleh semua AIR daripada pelbagai sumber dalam bentuk wang tunai seperti contoh berikut:</p> <p>a) Gaji dan upah;</p> <p>b) Bonus, tip, bayaran kerja lebih masa;</p> <p>c) Elaun/ imbuhan tunai (contoh; elaun sara hidup, elaun pertanian);</p> <p>d) Pendapatan daripada harta benda (contoh; royalti, dividen, faedah, bayaran sewa);</p> <p>e) Pendapatan bersih diterima daripada kerja sendiri;</p> <p>f) Bantuan tetap yang diterima daripada kerajaan/ swasta/ badan NGO; dan</p> <p>g) Pindahan semasa yang diterima terdiri daripada kiriman wang dari Isi Rumah lain, nafkah, pencen dan bantuan-bantuan lain yang diterima secara berkala.</p> <p>3. Pendapatan <b>tidak termasuk</b> mana-mana penerimaan yang diterima secara istimewa, yang mana tidak berulang kali (iaitu tidak berlaku tahun demi tahun atau dalam jangka masa lebih kerap daripada itu). Contohnya, pinjaman, jualan barangan milik sendiri seperti tanah, rumah, kenderaan dan alat kelengkapan lain.</p>
<p><b>Pendaftaran kelahiran</b>  <b>Sijil kelahiran</b> adalah catatan penting yang mendokumentasikan kelahiran seseorang. Dokumen ini merupakan dokumen yang mengesahkan keadaan kelahiran, atau salinan yang disahkan atau perwakilan pendaftaran sebuah kelahiran. Soalan-soalan di bawah bertujuan untuk mengumpul maklumat bagi menganggar jumlah pendaftaran kelahiran di negara kita.</p>		
<p><b>D6</b></p>	<p><b>Adakah terdapat kelahiran baharu bagi Isi Rumah ini dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas?</b></p>	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada terdapat kelahiran baharu bagi Isi Rumah ini dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.</p> <p>2. Tempoh lima (5) tahun yang lepas merujuk kepada awal tahun 2016 sehingga hujung tahun 2020.</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada terdapat kelahiran baharu bagi Isi Rumah ini dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada tidak terdapat kelahiran baharu bagi Isi Rumah ini dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.</li> <li>2. Sekiranya KIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b>, terus ke <b>D10</b>.</li> </ol>
<b>D7</b>	<b>Sekiranya Ya pada D6, sila nyatakan bilangan kelahiran mengikut tahun. (Jawapan berganda dibenarkan)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sila nyatakan bilangan kelahiran mengikut tahun pada ruangan <b>“Nyatakan bilangan kelahiran”</b>.</li> <li>2. KIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.</li> </ol>
<b>D8</b>	<b>Adakah kelahiran tersebut telah didaftarkan? (Jawapan berganda dibenarkan)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tandakan (X) pada ruangan <b>“Ya”</b> sekiranya kelahiran tersebut telah didaftarkan berdasarkan kelahiran pada tahun-tahun berikut.</li> <li>2. Tandakan (X) pada ruangan <b>“Tidak”</b> sekiranya kelahiran tersebut tidak didaftarkan berdasarkan kelahiran pada tahun-tahun berikut.</li> <li>3. KIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.</li> </ol>
<b>D9</b>	<b>Sekiranya Ya pada D8, sila nyatakan sama ada kelahiran tersebut telah didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau agensi lain. (Jawapan berganda dibenarkan)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tandakan (X) pada ruangan <b>“JPN”</b> sekiranya kelahiran tersebut didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berdasarkan tahun-tahun berikut.</li> <li>2. Sekiranya berdaftar dengan agensi lain, sila nyatakan nama agensi pada ruang yang disediakan.</li> <li>3. KIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh Ketua Isi Rumah atau wakil Ketua Isi Rumah (D10-D13)</b>		
<b>Pendaftaran kematian</b>		
<b>D10</b>	<b>Adakah terdapat kematian bagi ahli Isi Rumah ini dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada terdapat kematian bagi ahli Isi Rumah ini dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.</li> <li>2. Tempoh lima (5) tahun yang lepas merujuk kepada awal tahun 2016 sehingga hujung tahun 2020.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada terdapat kematian bagi ahli Isi Rumah ini dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada tidak terdapat kematian bagi ahli Isi Rumah ini dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.</li> <li>2. Sekiranya KIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b>, terus ke <b>D14</b>.</li> </ol>
<b>D11</b>	<b>Sekiranya Ya pada D10, sila nyatakan bilangan kematian mengikut tahun. (Jawapan berganda dibenarkan)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sila nyatakan bilangan kematian mengikut tahun pada ruangan <b>“Nyatakan bilangan kematian”</b>.</li> <li>2. KIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.</li> </ol>
<b>D12</b>	<b>Adakah kematian tersebut telah didaftarkan? (Jawapan berganda dibenarkan)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tandakan (X) pada ruangan <b>“Ya”</b> sekiranya kematian tersebut telah didaftarkan berdasarkan tahun-tahun berikut.</li> <li>2. Tandakan (X) pada ruangan <b>“Tidak”</b> sekiranya kematian tersebut tidak didaftarkan berdasarkan tahun-tahun berikut.</li> <li>3. KIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.</li> </ol>
<b>D13</b>	<b>Sekiranya Ya pada D12, sila nyatakan sama ada kematian tersebut telah didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau agensi</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tandakan (X) pada ruangan <b>“JPN”</b> sekiranya kematian tersebut didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berdasarkan tahun-tahun berikut.</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	lain. (Jawapan berganda dibenarkan)	2. Sekiranya berdaftar dengan agensi lain, sila nyatakan nama agensi pada ruang yang disediakan. 3. KIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.
<b>Hanya dijawab oleh Ketua Isi Rumah atau wakil Ketua Isi Rumah (D14-D20)</b>		
<p><b>Sisa Makanan Isi Rumah</b></p> <p><b>1. Definisi</b> Sisa makanan adalah merujuk kepada sisa dapur, baki makanan, makanan luput/tercemar dan makanan yang dibazir.</p> <p><b>2. Kategori Sisa Makanan</b></p> <p>a) <b>Makanan luput/ tercemar</b> Sisa yang dijana hasil daripada tarikh luput penggunaan (merujuk kepada sisa makanan yang telah luput dan tidak selamat seperti makanan dalam tin).</p> <p>b) <b>Makanan Dibazir</b> Sisa yang dijana hasil daripada pembaziran/ tidak dikehendaki (merujuk kepada makanan yang masih berkeadaan baik dan boleh dimakan samada bahan mentah atau yang telah dimasak).</p>		
D14	<p><b>Berapakah anggaran perbelanjaan Isi Rumah ke atas barangan makanan setiap bulan?</b></p> <p><b>Kod 1</b> <b>Sehingga RM500.00</b></p> <p><b>Kod 2</b> <b>RM501.00 – RM1,000.00</b></p>	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui nilai anggaran terbaik perbelanjaan yang dibuat oleh Isi Rumah ke atas pembelian makanan untuk setiap bulan termasuk bahan mentah kering/basah, makanan dalam tin dan lain-lain.</p> <p>2. Termasuk juga bantuan makanan yang diterima dari NGO atau lain-lain institusi. Penemuramah perlu membuat anggaran nilai bantuan makanan yang diterima oleh Isi Rumah mengikut harga pasaran.</p> <p>3. Sila pilih satu jawapan sahaja.</p> <p><b>Kod 1 “Sehingga RM500.00”</b> merujuk kepada nilai anggaran perbelanjaan Isi Rumah ke atas barangan makanan yang dibeli setiap bulan adalah RM500.00 ke bawah.</p> <p><b>Kod 2 “RM501.00 – RM1,000.00”</b> merujuk kepada nilai anggaran perbelanjaan Isi Rumah ke atas barangan makanan yang dibeli setiap bulan adalah antara RM501.00 hingga RM1,000.00.</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 3</b> <b>RM1,001.00 – RM1,500.00</b>	<b>Kod 3 “RM1,001.00 – RM1,500.00”</b> merujuk kepada nilai anggaran perbelanjaan Isi Rumah ke atas barangan makanan yang dibeli setiap bulan adalah antara RM1,001.00 hingga RM1,500.00.
	<b>Kod 4</b> <b>RM1,501.00 – RM2,000.00</b>	<b>Kod 4 “RM1,501.00 – RM2,000.00”</b> merujuk kepada nilai anggaran perbelanjaan Isi Rumah ke atas barangan makanan yang dibeli setiap bulan adalah antara RM1,501.00 hingga RM2,000.00.
	<b>Kod 5</b> <b>Lebih daripada RM2,000.00</b>	<b>Kod 5 “Lebih daripada RM2,000.00”</b> merujuk kepada nilai anggaran perbelanjaan Isi Rumah ke atas barangan makanan yang dibeli setiap bulan adalah RM2,000.00 ke atas.
<b>D15</b>	<b>Sila nyatakan anggaran kuantiti sisa makanan yang dibuang setiap bulan oleh Isi Rumah.</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui anggaran terbaik kuantiti sisa makanan yang dihasilkan dalam gram atau kilogram setiap bulan oleh Isi Rumah. 2. Sila pilih satu jawapan sahaja.
	<b>Kod 1</b> <b>Kurang daripada 500 g</b>	<b>Kod 1 “Kurang daripada 500 g”</b> merujuk kepada nilai anggaran kuantiti sisa makanan yang dihasilkan oleh Isi Rumah adalah 500 gram ke bawah.
	<b>Kod 2</b> <b>Antara 500 g dan 999 g</b>	<b>Kod 2 “Antara 500 g dan 999 g”</b> merujuk kepada nilai anggaran kuantiti sisa makanan yang dihasilkan oleh Isi Rumah adalah antara 500 gram hingga 999 gram.
	<b>Kod 3</b> <b>Antara 1 kg dan 3 kg</b>	<b>Kod 3 “Antara 1 kg dan 3 kg”</b> merujuk kepada nilai anggaran kuantiti sisa makanan yang dihasilkan oleh Isi Rumah adalah antara 1 kilogram hingga 3 kilogram.
	<b>Kod 4</b> <b>Antara 3.1 kg dan 5 kg</b>	<b>Kod 4 “Antara 3.1 kg dan 5 kg”</b> merujuk kepada nilai anggaran kuantiti sisa makanan yang dihasilkan oleh Isi Rumah adalah antara 3.1 kilogram hingga 5 kilogram.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 5</b> <b>Lebih daripada 5 kg</b>	<b>Kod 5 “Lebih daripada 5 kg”</b> merujuk kepada nilai anggaran kuantiti sisa makanan yang dihasilkan oleh Isi Rumah adalah 5 kilogram ke atas.
	<b>Kod 6</b> <b>Tiada sisa makanan</b>	<b>Kod 6 “Tiada sisa makanan”</b> merujuk kepada tiada sisa makanan yang dibuang setiap bulan oleh Isi Rumah.

**Kaedah anggaran yang dicadangkan:**

Kaedah	Soalan kepada responden	Contoh
1.	a. Anggaran berat (kg) sampah harian.	1 kg (tong sampah kecil)
	b. Anggaran peratusan sisa makanan dari keseluruhan sisa harian	1%
	<b>Jumlah sisa makanan yang dijana sebulan</b>	<b>= (b) * (a) *30</b> <b>hari/sebulan</b> <b>= 1% * 1kg * 30</b> <b>= 0.3 kg sebulan</b>
2.	a. Anggaran berat (kg) sampah mengikut kapasiti tong sampah	3 kg (tong sampah besar)
	b. Anggaran peratusan sisa makanan dari keseluruhan sisa harian	1%
	c. Ke kerapannya membuang sampah dari rumah ke tong sampah di luar rumah	2 hari sekali
	<b>Jumlah sisa makanan yang dijana sebulan</b>	<b>=b*a*30/c</b> <b>=1%*3*30/2</b> <b>=0.45 kg sebulan</b>

<b>D16</b>	<b>Sila nyatakan nilai anggaran sisa makanan yang dibuang setiap bulan oleh Isi Rumah.</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui anggaran terbaik nilai sisa makanan yang dihasilkan setiap bulan oleh Isi Rumah.</li> <li>2. Nilai yang dinyatakan <b>tidak boleh melebihi daripada nilai</b> yang dilaporkan di <b>D14</b>.</li> <li>3. Sila pilih satu jawapan sahaja.</li> </ol>
	<b>Kod 1</b> <b>Sehingga RM100.00</b>	<b>Kod 1 “Sehingga RM100.00”</b> merujuk kepada nilai anggaran sisa makanan yang dihasilkan setiap bulan oleh Isi Rumah adalah RM100.00 dan ke bawah.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 2</b> <b>RM101.00 – RM250.00</b>	<b>Kod 2 “RM101.00 – RM250.00”</b> merujuk kepada nilai anggaran sisa makanan yang dihasilkan setiap bulan oleh Isi Rumah adalah antara RM101.00 hingga RM250.00.
	<b>Kod 3</b> <b>RM251.00 – RM350.00</b>	<b>Kod 3 “RM251.00 – RM350.00”</b> merujuk kepada nilai anggaran sisa makanan yang dihasilkan setiap bulan oleh Isi Rumah adalah antara RM251.00 hingga RM350.00.
	<b>Kod 4</b> <b>RM351.00 – RM450.00</b>	<b>Kod 4 “RM351.00 – RM450.00”</b> merujuk kepada nilai anggaran sisa makanan yang dihasilkan setiap bulan oleh Isi Rumah adalah antara RM351.00 hingga RM450.00.
	<b>Kod 5</b> <b>Lebih daripada RM450.00</b>	<b>Kod 5 “Lebih daripada RM450.00”</b> merujuk kepada nilai anggaran sisa makanan yang dihasilkan setiap bulan oleh Isi Rumah adalah RM450.00 ke atas.
	<b>Kod 6</b> <b>Tiada sisa makanan</b>	<b>Kod 6 “Tiada sisa makanan”</b> merujuk kepada Isi Rumah tidak menghasilkan sebarang sisa makanan pada setiap bulan.

**Kaedah anggaran yang dicadangkan:**

Bil.	Jenis makanan yang dibeli secara bulanan	Pengiraan Anggaran
1.	<b>Roti</b>	
	Harga jenis makanan yang dibeli (a)	RM3.50
	Kekerapan membeli jenis makanan ini secara bulanan (b)	3 kali
	Anggaran peratus kuantiti yang dibazirkan (c)	5%
	<b>Anggaran nilai makanan yang dibazirkan (d1)</b>	<b>= a*b*c</b> <b>= RM3.50 * 3 * 5%</b> <b>= RM 0.52</b>
2.	<b>Buah-buahan/sayur sayuran</b>	
	Harga jenis makanan yang dibeli (a)	RM20.00
	Kekerapan membeli jenis makanan ini secara bulanan (b)	4 kali
	Anggaran peratus kuantiti yang dibazirkan (c)	5%
	<b>Anggaran nilai makanan yang dibazirkan (d2)</b>	<b>= a*b*c</b> <b>= RM20.00 * 4 * 5%</b> <b>= RM 4.00</b>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
3.	<p><b>Makanan yang dimasak (Contoh: Nasi)</b></p> <p>Harga beras (10kg) yang dibeli (a)</p> <p>Kekerapan membeli jenis makanan ini secara bulanan (b)</p> <p>Anggaran peratus kuantiti yang dibazirkan (c) *berdasarkan berapa banyak nasi dibazirkan setiap kali dimasak</p> <p><b>Anggaran nilai makanan yang dibazirkan (d3)</b></p>	<p>RM25.00</p> <p>2</p> <p>5%</p> <p><math>= a*b*c</math> <math>= RM25.00 * 2 * 5\%</math> <math>= RM 2.5</math></p> <p><math>= d1 + d2 + d3</math></p>
D17	<p><b>Berdasarkan Soalan D16, sila pilih anggaran peratusan sisa makanan yang dibuang mengikut kumpulan produk makanan berikut:</b></p> <p>a. Beras, roti dan bijirin lain</p> <p>b. Buah-buahan</p> <p>c. Sayur-sayuran</p> <p>d. Daging (merah &amp; putih)</p> <p>e. Ikan dan makanan laut</p> <p><b>NOTA:</b> Peratus sisa makanan adalah berdasarkan pembelian mengikut kumpulan produk makanan. Hasil tambah peratusan sisa makanan tidak semestinya 100%.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui anggaran komposisi sisa makanan yang dibuang mengikut jenis produk makanan.</li> <li>2. Tandakan (X) pada ruang peratusan sisa makanan yang dibuang mengikut kumpulan produk makanan.</li> <li>3. Sila pilih satu jawapan sahaja di ruang peratusan bagi setiap kumpulan produk makanan (<math>\leq 2\%</math>, 3-5%, 6-10%, 11-20%, <math>\geq 21\%</math>).</li> </ol>
D18	<p><b>Sekiranya terdapat kumpulan produk makanan lain di D17, sila nyatakan kumpulan produk makanan tersebut</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui kumpulan produk makanan selain di <b>D17</b>.</li> <li>2. Sila nyatakan kumpulan produk makanan tersebut (Contohnya, produk</li> </ol>



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<p>dan anggaran peratusan sisa makanan yang dibuang.</p> <p>i. Nyatakan kumpulan produk makanan</p> <p>ii. Peratusan (%)</p>	<p>tenusu, telur, minuman, manisan, dan lain-lain) pada ruang yang disediakan.</p> <p>3. Tandakan (X) pada ruang peratusan sisa makanan yang dibuang (<math>\leq 2\%</math>, 3-5%, 6-10%, 11-20%, <math>\geq 21\%</math>) mengikut kumpulan produk makanan yang dinyatakan.</p>
D19	<p>Apakah penyebab utama kepada pembaziran makanan di rumah anda? (Jawapan berganda dibenarkan)</p>	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui penyebab utama kepada pembaziran makanan di rumah.</p> <p>2. KIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.</p>
	<p><b>Kod 1</b> Makanan tamat tempoh</p>	<p><b>Kod 1 “Makanan tamat tempoh”</b> merujuk kepada punca utama pembaziran makanan di rumah adalah makanan tersebut telah tamat tempoh.</p>
	<p><b>Kod 2</b> Makanan tidak kelihatan sedap</p>	<p><b>Kod 2 “Makanan tidak kelihatan sedap”</b> merujuk kepada KIR berpendapat punca utama pembaziran makanan di rumah adalah makanan tersebut tidak kelihatan sedap.</p>
	<p><b>Kod 3</b> Makanan tidak mempunyai bau atau rasa yang baik</p>	<p><b>Kod 3 “Makanan tidak mempunyai bau atau rasa yang baik”</b> merujuk kepada KIR berpendapat punca utama pembaziran makanan di rumah adalah makanan tersebut tidak mempunyai bau atau rasa yang baik.</p>
	<p><b>Kod 4</b> Pelabelan menimbulkan kekeliruan</p>	<p><b>Kod 4 “Pelabelan menimbulkan kekeliruan”</b> merujuk kepada KIR berpendapat punca utama pembaziran makanan di rumahnya adalah pelabelan pada makanan mengelirukan.</p>
	<p><b>Kod 5</b> Makanan ditinggalkan di dalam peti sejuk terlalu lama</p>	<p><b>Kod 5 “Makanan ditinggalkan di dalam peti sejuk terlalu lama”</b> merujuk kepada KIR berpendapat punca utama pembaziran makanan di rumah adalah makanan dibiarkan terlalu lama di dalam peti sejuk.</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 6</b> <b>Kemahiran memasak yang lemah</b>	<b>Kod 6 “Kemahiran memasak yang lemah”</b> merujuk kepada KIR berpendapat punca utama pembaziran makanan di rumah adalah kemahiran memasak yang lemah.
	<b>Kod 7</b> <b>Lebih makanan</b>	<b>Kod 7 “Lebih makanan”</b> merujuk kepada KIR berpendapat punca utama pembaziran makanan di rumah adalah terdapat lebih makanan.
<b>D20</b>	<b>Sekiranya terdapat sebab lain di D19, sila nyatakan sebab tersebut.</b>	Sekiranya KIR mempunyai sebab utama kepada pembaziran makanan selain yang disenaraikan di <b>D19</b> , sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.
<b>Hanya dijawab oleh Ketua Isi Rumah atau wakil Ketua Isi Rumah (D21-D28)</b>		
<b>Skala Pengalaman Tiada Jaminan Makanan</b>		
<b>D21</b>	<b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, pernahkah anda berasa bimbang tidak mempunyai makanan yang cukup kerana kekurangan wang atau sumber lain?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada KIR pernah berasa bimbang tidak mempunyai sumber makanan yang mencukupi kerana kekurangan wang atau sumber lain dalam tempoh 12 bulan yang lepas.
	<b>Kod 1</b> <b>Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada KIR pernah berasa bimbang tidak mempunyai sumber makanan yang mencukupi kerana kekurangan wang atau sumber lain.
	<b>Kod 2</b> <b>Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada KIR tidak pernah berasa bimbang tidak mempunyai sumber makanan yang mencukupi kerana kekurangan wang atau sumber lain.
<b>D22</b>	<b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, pernahkah anda tidak dapat makan makanan yang sihat dan berkhasiat kerana kekurangan wang atau sumber lain?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada KIR pernah makan makanan yang tidak sihat dan tidak berkhasiat kerana kekurangan wang atau sumber lain dalam tempoh 12 bulan yang lepas.
	<b>Kod 1</b> <b>Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada KIR pernah makan makanan yang tidak sihat dan tidak

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		berkhasiat kerana kekurangan wang atau sumber lain.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada KIR tidak pernah makan makanan yang tidak sihat dan tidak berkhasiat kerana kekurangan wang atau sumber lain.
<b>D23</b>	<b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, pernahkah anda hanya makan beberapa jenis makanan kerana kekurangan wang atau sumber lain?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada KIR pernah hanya makan beberapa jenis makanan kerana kekurangan wang atau sumber lain dalam tempoh 12 bulan yang lepas.</li> <li>2. Contoh pengambilan makanan seperti mee segera/ makanan yang mampu dibeli yang diambil berulang kali kerana kekurangan wang dan bukan disebabkan oleh citarasa.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada KIR pernah hanya makan beberapa jenis makanan kerana kekurangan wang atau sumber lain.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada KIR tidak pernah hanya makan beberapa jenis makanan kerana kekurangan wang atau sumber lain.
<b>D24</b>	<b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, pernahkah anda terpaksa tidak mengambil satu hidangan utama kerana kekurangan wang atau sumber lain untuk mendapatkan makanan?</b>  <b>NOTA: Hidangan utama merujuk kepada sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam.</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada KIR pernah mengambil kurang daripada 3 hidangan utama kerana kekurangan wang atau sumber lain untuk mendapatkan makanan dalam tempoh 12 bulan yang lepas.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada KIR pernah mengambil kurang daripada 3 hidangan

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>utama kerana kekurangan wang atau sumber lain untuk mendapatkan makanan.</p>
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada KIR tidak pernah mengambil kurang daripada 3 hidangan utama kerana kekurangan wang atau sumber lain untuk mendapatkan makanan.
<b>D25</b>	<b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, pernahkah anda makan kurang daripada apa yang anda sepatutnya makan kerana kekurangan wang atau sumber lain?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada KIR pernah makan kurang daripada apa yang dia sepatutnya makan kerana kekurangan wang atau sumber lain dalam tempoh 12 bulan yang lepas.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada KIR pernah makan kurang daripada apa yang dia sepatutnya makan kerana kekurangan wang atau sumber lain.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada KIR tidak pernah makan kurang daripada apa yang dia sepatutnya makan kerana kekurangan wang atau sumber lain.
<b>D26</b>	<b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, pernahkah Isi Rumah anda kehabisan makanan kerana kekurangan wang atau sumber lain?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada Isi Rumah pernah kehabisan makanan kerana kekurangan wang atau sumber lain dalam tempoh 12 bulan yang lepas.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada Isi Rumah pernah kehabisan makanan kerana kekurangan wang atau sumber lain.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada Isi Rumah tidak pernah kehabisan makanan kerana kekurangan wang atau sumber lain.
<b>D27</b>	<b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, pernahkah anda berasa lapar tetapi tidak makan kerana kekurangan</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada KIR pernah berlapar kerana kekurangan wang atau sumber lain untuk

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>wang atau sumber lain untuk mendapatkan makanan?</b>	mendapatkan makanan dalam tempoh 12 bulan yang lepas.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada KIR pernah berlapar kerana kekurangan wang atau sumber lain untuk mendapatkan makanan.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada KIR tidak pernah berlapar kerana kekurangan wang atau sumber lain untuk mendapatkan makanan.
<b>D28</b>	<b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, pernahkah anda keluar tanpa makan sepanjang hari kerana kekurangan wang atau sumber lain?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada KIR pernah keluar tanpa makan sepanjang hari kerana kekurangan wang atau sumber lain dalam tempoh 12 bulan yang lepas.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada KIR pernah keluar tanpa makan sepanjang hari kerana kekurangan wang atau sumber lain.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada KIR tidak pernah keluar tanpa makan sepanjang hari kerana kekurangan wang atau sumber lain.

## MODUL E: BUTIR-BUTIR PENGENALAN DIRI


Pada soal selidik Modul E, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat diri semua ahli Isi Rumah.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan																										
<b>Dijawab oleh semua ahli Isi Rumah (E1-E13)</b>																												
	<b>Nombor Ahli</b>	1. Mulakan dengan 01 (KIR), 02 dan seterusnya. Contoh: 01 2. No. Ahli adalah merujuk kepada AIR yang berbeza. <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;">             NOMBOR AHLI / PERSON NUMBER              (Silakan gunakan turutan seperti E1)              (Please use the sequence as in E1)             <table style="float: right; border: 1px solid black; text-align: center;"> <tr> <td style="width: 20px; height: 20px;">0</td> <td style="width: 20px; height: 20px;">1</td> </tr> </table> </div>	0	1																								
0	1																											
<b>E1</b>	<b>Apakah nama penuh anda/ ahli Isi Rumah ini?</b>	Tuliskan nama penuh seperti dalam kad pengenalan/ pasport di petak yang disediakan. <b>Contoh: ZHRUL AIZZAT BIN MOHAMAD</b> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 60%; padding: 2px;">           E1. Apakah nama penuh anda/ ahli Isi Rumah ini?            What is your/ this person's full name?         </td> <td style="width: 40%; padding: 2px;"> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center; border-collapse: collapse;"> <tr> <td>Z</td><td>A</td><td>H</td><td>R</td><td>U</td><td>L</td><td>A</td><td>I</td><td>Z</td><td>Z</td><td>A</td><td>T</td> </tr> <tr> <td>B</td><td>I</td><td>N</td><td>M</td><td>O</td><td>H</td><td>A</td><td>M</td><td>A</td><td>D</td><td></td><td></td> </tr> </table> </td> </tr> </table> </div>	E1. Apakah nama penuh anda/ ahli Isi Rumah ini? What is your/ this person's full name?	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center; border-collapse: collapse;"> <tr> <td>Z</td><td>A</td><td>H</td><td>R</td><td>U</td><td>L</td><td>A</td><td>I</td><td>Z</td><td>Z</td><td>A</td><td>T</td> </tr> <tr> <td>B</td><td>I</td><td>N</td><td>M</td><td>O</td><td>H</td><td>A</td><td>M</td><td>A</td><td>D</td><td></td><td></td> </tr> </table>	Z	A	H	R	U	L	A	I	Z	Z	A	T	B	I	N	M	O	H	A	M	A	D		
E1. Apakah nama penuh anda/ ahli Isi Rumah ini? What is your/ this person's full name?	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center; border-collapse: collapse;"> <tr> <td>Z</td><td>A</td><td>H</td><td>R</td><td>U</td><td>L</td><td>A</td><td>I</td><td>Z</td><td>Z</td><td>A</td><td>T</td> </tr> <tr> <td>B</td><td>I</td><td>N</td><td>M</td><td>O</td><td>H</td><td>A</td><td>M</td><td>A</td><td>D</td><td></td><td></td> </tr> </table>	Z	A	H	R	U	L	A	I	Z	Z	A	T	B	I	N	M	O	H	A	M	A	D					
Z	A	H	R	U	L	A	I	Z	Z	A	T																	
B	I	N	M	O	H	A	M	A	D																			
<b>E2</b>	<b>Apakah hubungan anda/ ahli Isi Rumah ini dengan Ketua Isi Rumah?</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui hubungan AIR dengan KIR 2. Contohnya, bagi nombor ahli 01 mestilah KIR.																										
	<b>Kod 01</b> <b>Ketua Isi Rumah (KIR)</b>  <b>Kod 02</b> <b>Isteri/ Suami KIR</b>	<b>Kod 01 “Ketua Isi Rumah (KIR)”</b> merujuk kepada ahli Isi Rumah <b>sama ada lelaki atau perempuan</b> yang biasa tinggal di tempat kediaman ini dan dirujuk sebagai ketua oleh ahli-ahli Isi Rumah yang lain. <b>Setiap Isi Rumah mesti dan hanya boleh mempunyai seorang ketua.</b> Terdapat kes-kes di mana agak sukar untuk menentukan ketua seperti TK yang dihuni oleh penuntut-penuntut atau orang bujang yang membentuk sebuah Isi Rumah. <b>Dalam kes seperti ini, orang yang sedang anda temu ramah boleh dianggap sebagai ketua.</b>																										

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 03</b> <b>Anak KIR yang belum berkahwin</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Kod 03 “Anak KIR yang belum berkahwin”</b> merujuk kepada anak-anak ketua Isi Rumah yang belum berkahwin atau anak suami atau isteri mengikut susunan umur bermula dengan yang sulung.</li> <li><b>Kod 03 “Anak KIR yang belum berkahwin”</b> termasuk anak angkat yang masih belum berkahwin.</li> </ol>
	<b>Kod 04</b> <b>Anak KIR yang telah berkahwin</b>  <b>Kod 05</b> <b>Menantu perempuan/ lelaki KIR</b>  <b>Kod 06</b> <b>Cucu KIR</b>  <b>Kod 07</b> <b>Bapa/ Ibu KIR atau kepada isteri/ suami KIR</b>  <b>Kod 08</b> <b>Datuk/ Nenek KIR atau kepada isteri/ suami KIR</b>  <b>Kod 09</b> <b>Abang/ Kakak/ Adik KIR atau kepada isteri/ suami KIR</b>  <b>Kod 10</b> <b>Orang lain yang bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Kod 04 “Anak KIR yang telah berkahwin”</b> merujuk kepada anak-anak lelaki dan perempuan yang telah berkahwin (mengikut susunan umur).</li> <li><b>Kod 04 “Anak KIR yang telah berkahwin”</b> termasuk anak angkat yang telah berkahwin.</li> </ol>
	<b>Kod 11</b> <b>Pembantu rumah</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Kod 11 “Pembantu rumah”</b> merujuk kepada pembantu rumah yang makan</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 12</b> <b>Orang lain yang tidak bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR</b>	<p>dan tinggal bersama Isi Rumah sepanjang minggu walaupun mereka menghabiskan hujung minggu di tempat lain.</p> <p>2. <b>Kod 12 “Orang lain yang tidak bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR”</b> merujuk kepada orang lain yang menumpang dan orang lain yang tidak ada kaitan tali persaudaraan.</p>
<b>E3</b>	<b>Apakah jantina anda/ ahli Isi Rumah ini?</b>	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jantina AIR.</p> <p>2. Jangan membuat andaian berdasarkan nama ahli tersebut.</p>
	<b>Kod 1</b> <b>Lelaki</b>	<b>Kod 1 “Lelaki”</b> merujuk kepada jantina lelaki.
	<b>Kod 2</b> <b>Perempuan</b>	<b>Kod 2 “Perempuan”</b> merujuk kepada jantina perempuan.
<b>E4</b>	<b>Adakah anda/ ahli Isi Rumah ini mempunyai dokumen pengenalan diri?</b>	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mempunyai dokumen pengenalan diri.</p> <p>2. <b>Dokumen pengenalan diri</b> merupakan sejenis dokumen yang digunakan untuk memastikan identiti pembawanya.</p>
	<b>Kod 1</b> <b>Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR mempunyai dokumen pengenalan diri.
	<b>Kod 2</b> <b>Tidak</b>	<p>1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.</p> <p>2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b> terus ke <b>E6</b>.</p>



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
E5	<p><b>Sekiranya Ya pada E4, apakah nombor pengenalan diri anda/ ahli Isi Rumah ini?</b></p> <p>i. No.: MyKad/ MyKid/ MyPR/ MyKAS/ MyTentera</p> <p>ii. No.: K.P. Lama/ Tentera/ Polis/ Sijil Lahir/ Pasport/ Dokumen Lain</p> <p>iii. No.: Permit Kerja</p>	<p>Tuliskan nombor pengenalan diri di petak yang disediakan.</p> <p><b>Contoh: 911106-14-5189</b></p> 
E6	<p><b>Bilakah tarikh lahir anda/ ahli Isi Rumah ini?</b></p> <p style="text-align: center;"><b>ATAU</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tuliskan tarikh lahir yang lengkap iaitu <b>Hari, Bulan</b> dan <b>Tahun</b> di petak yang berkenaan.</li> <li>Sekiranya AIR tidak dapat memberikan maklumat tarikh lahir dengan <b>lengkap</b>, dapatkan tahun kelahiran AIR.</li> <li>Penentuan umur AIR adalah mengikut <b>TAHUN</b> kelahiran.</li> </ol> <p style="text-align: center;"><b>ATAU</b></p>
E7	<p><b>Berapakah umur anda/ ahli Isi Rumah ini?</b></p> <p><b>NOTA:</b> Sekiranya umur kurang daripada 1 tahun catatkan "000", jika umur 5 tahun catatkan "005" dan jika umur 10 tahun catatkan "010".</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tuliskan umur di dalam petak yang berkenaan seperti <b>contoh pada E5</b>.</li> <li>Maklumat umur yang dikehendaki ialah <b>umur dalam tahun genap (umur pada hari jadi yang terakhir)</b> pada tarikh survei.</li> </ol>
E8	<p><b>Apakah kumpulan etnik anda/ ahli Isi Rumah ini?</b></p> <p><b>NOTA:</b> Sila masukkan kod berdasarkan Buku Kod</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui kumpulan etnik AIR.</li> <li>Maksud <b>kumpulan etnik</b> ialah sekumpulan orang yang terikat bersama-sama oleh hubungan bahasa, adat resam, agama yang sama dan sebagainya.</li> <li>Tuliskan jawapan di ruangan "<b>Nyatakan</b>" dan kod jawapan di petak yang berkenaan dengan merujuk kepada Buku Kod.</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan																										
		<p>4. Jangan membuat andaian berdasarkan nama, rupa atau sebagainya.</p> <p>5. Bagi AIR yang menyatakan dirinya etnik Jawa, Bugis atau Banjar (Warganegara) <b>yang berasal dari Semenanjung Malaysia</b>, kelaskan beliau dalam <b>Kod 1100 “Melayu”</b>.</p> <p>6. Bagi AIR yang menyatakan dirinya etnik Jawa, Bugis atau Banjar (Warganegara) <b>yang berasal dari Sabah</b>, kelaskan beliau dalam <b>kod 3998 “Bumiputera Sabah Lain”</b>.</p> <p>7. Bagi AIR yang berasal dari ibu bapa atau keturunan campuran, galakkan AIR membuat satu pilihan berdasarkan bahasa, agama, adat resam yang dipegang atau kumpulan mana ibu bapa AIR menganggap mereka berasal.</p> <p>8. Sebagai cara terakhir, catatkan etnik bapa.</p>																										
E9	Adakah anda/ ahli Isi Rumah ini warganegara Malaysia?	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui status kewarganegaraan AIR.</p> <p>2. Bagi kanak-kanak kepada warganegara asing yang dilahirkan di Malaysia, catatkan kewarganegaraan mengikut jadual di bawah :</p> <table border="1" data-bbox="824 1329 1344 1896"> <thead> <tr> <th colspan="2" data-bbox="824 1329 1011 1465">Taraf Kewarganegaraan</th> <th data-bbox="1011 1329 1182 1675" rowspan="2">Status Perkahwinan (Pada waktu kelahiran anak)</th> <th data-bbox="1182 1329 1344 1675" rowspan="2">Taraf Kewarganegaraan Anak</th> </tr> <tr> <th data-bbox="824 1465 930 1675">Bapa</th> <th data-bbox="930 1465 1011 1675">Ibu</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="824 1675 930 1717">W</td> <td data-bbox="930 1675 1011 1717">W</td> <td data-bbox="1011 1675 1182 1717">√/ x</td> <td data-bbox="1182 1675 1344 1717">W</td> </tr> <tr> <td data-bbox="824 1717 930 1759">W</td> <td data-bbox="930 1717 1011 1759">PT</td> <td data-bbox="1011 1717 1182 1759">√/ x</td> <td data-bbox="1182 1717 1344 1759">W</td> </tr> <tr> <td data-bbox="824 1759 930 1801">W</td> <td data-bbox="930 1759 1011 1801">BW</td> <td data-bbox="1011 1759 1182 1801">x</td> <td data-bbox="1182 1759 1344 1801">BW</td> </tr> <tr> <td data-bbox="824 1801 930 1843">W</td> <td data-bbox="930 1801 1011 1843">BW</td> <td data-bbox="1011 1801 1182 1843">√</td> <td data-bbox="1182 1801 1344 1843">W</td> </tr> <tr> <td data-bbox="824 1843 930 1885">BW</td> <td data-bbox="930 1843 1011 1885">BW</td> <td data-bbox="1011 1843 1182 1885">√/ x</td> <td data-bbox="1182 1843 1344 1885">BW</td> </tr> </tbody> </table>	Taraf Kewarganegaraan		Status Perkahwinan (Pada waktu kelahiran anak)	Taraf Kewarganegaraan Anak	Bapa	Ibu	W	W	√/ x	W	W	PT	√/ x	W	W	BW	x	BW	W	BW	√	W	BW	BW	√/ x	BW
Taraf Kewarganegaraan		Status Perkahwinan (Pada waktu kelahiran anak)	Taraf Kewarganegaraan Anak																									
Bapa	Ibu																											
W	W	√/ x	W																									
W	PT	√/ x	W																									
W	BW	x	BW																									
W	BW	√	W																									
BW	BW	√/ x	BW																									

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan			
		BW	W	√/ x	W
		BW	PT	√/ x	W
		PT	W	√/ x	W
		PT	PT	√/ x	W
		PT	BW	x	BW
		PT	BW	√	W
		<p><b>Nota :</b>  √ = Berkahwin  x = Tidak berkahwin  W = Warganegara  BW = Bukan Warganegara  PT = Pemastautin Tetap</p>			
	<b>Kod 1</b> <b>Ya</b>	1. <b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR merupakan warganegara Malaysia. 2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 1 “Ya”</b> , terus ke <b>E11</b> .			
	<b>Kod 2</b> <b>Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR merupakan bukan warganegara Malaysia.			
<b>E10</b>	<b>Apakah kewarganegaraan anda/ ahli Isi Rumah ini?</b>  <b>NOTA:</b> <b>Sila masukkan kod berdasarkan Buku Kod</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui apakah kewarganegaraan AIR yang bukan warganegara Malaysia. 2. Sila nyatakan nama negara dan tuliskan kod dengan merujuk kepada senarai Negara di <b>Buku Kod</b> . 3. Bagi AIR yang mempunyai <b>dua kewarganegaraan</b> , perlu tentukan satu negara sahaja berdasarkan passport yang digunakan bagi memasuki Malaysia. 4. Bagi AIR yang sedang memohon kewarganegaraan, catatkan kewarganegaraan yang asal (jika masih sah).			
<b>E11</b>	<b>Apakah tahap kesukaran untuk anda/ ahli Isi Rumah ini:</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui tahap kesukaran yang dihadapi AIR ketika menjalankan aktiviti harian.			

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<p>(i) <b>Melihat walaupun menggunakan cermin mata?</b></p> <p>(ii) <b>Mendengar walaupun menggunakan alat bantuan pendengaran?</b></p> <p>(iii) <b>Berjalan atau menaiki tangga?</b></p> <p>(iv) <b>Mengingat atau menumpukan perhatian?</b></p> <p>(v) <b>Menguruskan diri seperti membersihkan diri dan berpakaian?</b></p> <p>(vi) <b>Berkomunikasi menggunakan bahasa seharian (cth.: memahami atau difahami)?</b></p>	<p>2. Tandakan <input type="checkbox"/> pada skor antara 1 sehingga 4.</p> <p><b>Skor 1: Tiada kesukaran</b>  <b>Skor 2: Sedikit kesukaran</b>  <b>Skor 3: Banyak kesukaran</b>  <b>Skor 4: Langsung tidak boleh</b></p> <p>3. Sila pilih satu jawapan sahaja bagi setiap situasi yang disenaraikan.</p>
E12	<p><b>Adakah anda/ ahli Isi Rumah ini merupakan Orang Kurang Upaya (OKU)?</b></p>	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR merupakan Orang Kurang Upaya (OKU). Sekiranya AIR merupakan OKU, pengesahan dibuat sama ada AIR tersebut berdaftar dengan mana-mana agensi atau tidak.</p> <p>2. <b>Orang Kurang Upaya (OKU)</b> termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.</p>
	<p><b>Kod 1</b> <b>Ya, berdaftar</b></p>	<p><b>Kod 1 “Ya, berdaftar”</b> merujuk kepada AIR merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar.</p>
	<p><b>Kod 2</b> <b>Ya, tidak berdaftar</b></p>	<p><b>Kod 2 “Ya, tidak berdaftar”</b> merujuk kepada AIR merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang tidak berdaftar.</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 3 Tidak</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 3 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR bukan Orang Kurang Upaya (OKU).</li> <li>2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 3 “Tidak”</b>, terus ke <b>F1</b>.</li> </ol>
<b>E13</b>	<b>Apakah pendidikan khas yang diterima oleh anda/ ahli Isi Rumah?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jenis pendidikan khas yang diterima oleh AIR.
	<b>Kod 1 Program Pendidikan Khas Integrasi</b>	<b>Kod 1 “Program Pendidikan Khas Integrasi”</b> merujuk kepada pendidikan kanak-kanak kurang upaya penglihatan di sekolah rendah dan menengah arus perdana yang terpilih mula diperkenalkan.
	<b>Kod 2 Sekolah Pendidikan Khas</b>	<b>Kod 2 “Sekolah Pendidikan Khas”</b> merujuk kepada sekolah yang menyediakan pendidikan khas bagi murid berkeperluan khas (MBK) pada semua peringkat persekolahan. Sekolah Pendidikan Khas ini dikendalikan terus oleh Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas).
	<b>Kod 3 Program Pendidikan Inklusif</b>	<b>Kod 3 “Program Pendidikan Inklusif”</b> merujuk kepada suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan khas bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.
	<b>Kod 4 Program Pemulihan dalam Komuniti</b>	<b>Kod 4 “Program Pemulihan dalam Komuniti”</b> merujuk kepada suatu program dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) semenjak tahun 1960an bagi membantu murid-murid di sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran iaitu menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M).
	<b>Kod 5 Tiada</b>	<b>Kod 5 “Tiada”</b> merujuk kepada AIR tidak menerima sebarang pendidikan khas.

## MODUL F: TARAF PERKAHWINAN

Pada soal selidik Modul F, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai taraf perkahwinan ahli Isi Rumah. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar peratusan perkahwinan sebelum berumur 15 tahun dan sebelum berumur 18 tahun.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih (F1-F2)</b>		
<b>F1</b>	<b>Apakah taraf perkahwinan anda/ ahli Isi Rumah ini?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui taraf perkahwinan pada tarikh survei bagi AIR.
	<b>Kod 1 Tidak pernah berkahwin</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Kod 1 “Tidak pernah berkahwin”</b> merujuk kepada AIR yang melaporkan sebagai belum pernah berkahwin. Kanak-kanak yang berumur di bawah 10 tahun dicatatkan sebagai “Tidak pernah berkahwin” tanpa perlu menanyakan soalan.</li> <li>Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 1 “Tidak pernah berkahwin”</b>, terus ke <b>Modul G bagi perempuan dan Modul H bagi lelaki</b>.</li> </ol>
	<b>Kod 2 Berkahwin</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Kod 2 “Berkahwin”</b> merujuk kepada AIR yang masih berkahwin semasa temu ramah. Istilah perkahwinan adalah termasuk perkahwinan mengikut undang-undang, secara adat atau peraturan agama.</li> <li>Kategori ini termasuk <b>“tinggal bersama”</b> iaitu satu keadaan di mana pasangan lelaki dan perempuan telah bersetuju untuk hidup bersama tanpa melalui proses perkahwinan mengikut agama dan undang-undang.</li> </ol>
	<b>Kod 3 Balu/ Duda</b>	<b>Kod 3 “Balu/ Duda”</b> merujuk kepada AIR yang kematian suami/ isteri dan belum berkahwin semula semasa temu ramah dijalankan.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 4 Bercerai</b>	<b>Kod 4 “Bercerai”</b> merujuk kepada AIR yang perkahwinannya telah dimansuhkan mengikut undang-undang atau peraturan keagamaan ATAU tidak lagi tinggal bersama bagi satu jangka masa/ tempoh yang lama dan tiada kemungkinan untuk bersatu semula.
	<b>Kod 5 Berpisah</b>	<b>Kod 5 “Berpisah”</b> merujuk kepada pasangan yang masih menjadi suami isteri tetapi tidak tinggal bersama. Berkemungkinan berpisah seketika dan akan rujuk kembali. <b>Tidak termasuk</b> dalam istilah ini bagi pasangan yang tinggal berjauhan atas tanggungjawab terhadap tugas atau sebab-sebab lain.
<b>F2</b>	<b>Apakah umur anda/ ahli Isi Rumah ini pada perkahwinan pertama?</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui umur AIR pada perkahwinan pertama. 2. Tuliskan umur AIR pada perkahwinan pertama di dalam petak yang berkenaan.

## MODUL G: KESUBURAN

Pada soal selidik Modul G, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai kadar kesuburan ahli Isi Rumah perempuan. Maklumat tersebut akan digunakan untuk mengangkar kadar kesuburan.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah perempuan berumur 15 tahun dan lebih (G1-G3)</b>		
<b>G1</b>	<b>Pernakah anda/ ahli Isi Rumah ini melahirkan anak?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR pernah melahirkan anak.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR pernah melahirkan anak.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak pernah melahirkan anak. 2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b> , terus ke <b>Modul H jika anda mempunyai anak/ jagaan berumur 2 tahun - kurang 5 tahun ATAU terus ke Modul I jika anda tidak mempunyai anak/ jagaan berumur 2 tahun – kurang 5 tahun</b>
<b>G2</b>	<b>Berapakah bilangan anak yang dilahirkan hidup?</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bilangan anak yang dilahirkan hidup mengikut jantina. 2. <b>Tuliskan bilangan anak</b> (lelaki/ perempuan) yang dilahirkan hidup (bernyawa) walaupun hanya seketika dan kemudiannya meninggal dunia. 3. Sekiranya AIR tersebut telah berkahwin lebih daripada sekali, bilangan anak daripada semua perkahwinan hendaklah diambil kira. 4. Ini <b>termasuk</b> : a) Anak yang telah diberikan kepada orang lain; dan b) Anak yang tidak lagi tinggal bersama IR tersebut. 5. <b>Tidak termasuk</b> keguguran, anak angkat, anak tiri dan anak susuan. 6. Jika <b>tiada</b> , catatkan <b>“0”</b> .



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
G3	Berapakah daripadanya yang masih hidup sekarang?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bilangan anak AIR yang masih hidup sehingga sekarang.</li> <li>2. <b>Tuliskan bilangan anak</b> (lelaki/perempuan) yang masih hidup sekarang <b>termasuk</b> anak yang tidak tinggal bersama Isi Rumah seperti telah berkahwin atau diberikan kepada orang lain.</li> <li>3. Jika <b>tiada</b>, catatkan “<b>0</b>”.</li> </ol>

## MODUL H: PERKEMBANGAN AWAL KANAK-KANAK

Pada soal selidik Modul H, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai perkembangan awal kanak-kanak. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar peratusan kanak-kanak yang berada dalam tahap perkembangan yang sepatutnya bagi kesihatan, pembelajaran dan kesejahteraan psikososial.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab untuk ahli Isi Rumah berumur 2 hingga kurang 5 tahun (H1-H5)</b>		
H1	<b>Bolehkah anak/ jagaan anda membaca sekurang-kurangnya empat perkataan mudah dan popular?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu membaca sekurang-kurangnya empat perkataan mudah dan popular. Contohnya, membaca perkataan " <b>Buku</b> ", " <b>Bola</b> ", " <b>Epal</b> ", " <b>Ayam</b> " dan " <b>Itik</b> ".
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 "Ya"</b> merujuk kepada AIR mampu membaca sekurang-kurangnya empat perkataan mudah dan popular.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 "Tidak"</b> merujuk kepada AIR tidak mampu membaca sekurang-kurangnya empat perkataan mudah dan popular.
H2	<b>Bolehkah anak/ jagaan anda mengenali semua nombor daripada 1 hingga 10?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mengenali semua nombor daripada 1 hingga 10.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 "Ya"</b> merujuk kepada AIR mengenali semua nombor daripada 1 hingga 10.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 "Tidak"</b> merujuk kepada AIR tidak mengenali semua nombor daripada 1 hingga 10.
H3	<b>Bolehkah anak/ jagaan anda mengambil objek kecil dengan dua jari, seperti kayu atau batu dari lantai?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu mengambil objek kecil dengan menggunakan dua jari. Contohnya, mengambil <b>kayu</b> atau <b>batu</b> menggunakan 2 jari.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	Kod 1 Ya	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR mampu mengambil objek kecil dengan menggunakan dua jari.
	Kod 2 Tidak	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak mampu mengambil objek kecil dengan menggunakan dua jari.
H4	<b>Adakah anak/ jagaan anda mengikuti arahan mudah mengenai cara melakukan sesuatu dengan betul?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu mengikuti arahan mudah mengenai cara melakukan sesuatu dengan betul. Contohnya, memberi arahan kepada AIR untuk mengambil sesuatu barang.
	Kod 1 Ya	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR mampu mengikuti arahan mudah mengenai cara melakukan sesuatu dengan betul.
	Kod 2 Tidak	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak mampu mengikuti arahan mudah mengenai cara melakukan sesuatu dengan betul.
H5	<b>Adakah anak/ jagaan anda mudah terganggu? (Contoh: Kesukaran untuk kekal fokus ketika melakukan sesuatu perkara)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mudah terganggu.</li> <li>2. Contohnya, kesukaran untuk kekal fokus ketika melakukan sesuatu perkara seperti <b>“tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya ketika sedang makan”</b>.</li> </ol>
	Kod 1 Ya	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR mudah terganggu.
	Kod 2 Tidak	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak mudah terganggu.

## MODUL I: PENDIDIKAN

Pada soal selidik Modul I, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai topik-topik seperti pendidikan rasmi dan pendidikan tidak rasmi ahli Isi Rumah. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar

- a) Kadar tamat persekolahan;
- b) Kadar keciciran pembelajaran semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- c) Kadar penyertaan dalam pendidikan dan latihan formal serta tidak formal;
- d) Peratusan tahap kecekapan tetap dalam kemahiran literasi dan numerasi;
- e) Peratusan kanak-kanak yang terlibat dalam *home schooling*;
- f) Peratusan kanak-kanak yang terlibat dalam pendidikan tidak formal di institusi yang tidak berdaftar; dan
- g) Kadar keciciran pelajar.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 3 tahun dan lebih (I1-I5)</b>		
I1	<b>Adakah anda/ ahli Isi Rumah ini berkebolehan untuk membaca, menulis atau mengira?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mampu untuk membaca, menulis atau mengira.</li> <li>2. Kebolehan <b>membaca</b> merujuk kepada orang yang boleh membaca (dalam bahasa ibunda dan/ atau bahasa lain) serta memahami sekurang-kurangnya kenyataan mudah yang digunakan setiap hari.</li> <li>3. Kebolehan <b>menulis</b> merujuk kepada orang yang boleh menulis (dalam bahasa ibunda dan/ atau bahasa lain) sekurang-kurangnya boleh menulis ayat-ayat mudah mengikut struktur ayat dalam bahasa yang ditulis.</li> <li>4. Kebolehan <b>mengira</b> merujuk kepada orang yang boleh mengira hasil tambah, tolak, darab dan bahagi menggunakan nombor.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Ya</b>	Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 1 “Ya”</b> pada <b>salah satu jawapan di I1, sila jawab I2.</b>
	<b>Kod 2 Tidak</b>	Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b> pada <b>I1(a) hingga I1(c)</b> , terus ke <b>I4.</b>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
I2	Adakah anda/ ahli Isi Rumah ini berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam bahasa berikut? (Jawapan berganda dibenarkan)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam bahasa berikut.</li> <li>2. AIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Bahasa Melayu (Rumi)</b>	<b>Kod 1 “Bahasa Melayu (Rumi)”</b> merujuk kepada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Melayu (Rumi).
	<b>Kod 2 Bahasa Melayu (Jawi)</b>	<b>Kod 2 “Bahasa Melayu (Jawi)”</b> merujuk kepada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Melayu (Jawi).
	<b>Kod 3 Bahasa Inggeris</b>	<b>Kod 3 “Bahasa Inggeris”</b> merujuk kepada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Inggeris.
	<b>Kod 4 Bahasa Mandarin</b>	<b>Kod 4 “Bahasa Mandarin”</b> merujuk kepada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Mandarin.
	<b>Kod 5 Bahasa Tamil</b>	<b>Kod 5 “Bahasa Tamil”</b> merujuk kepada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Tamil.
	<b>Kod 6 Bahasa Arab</b>	<b>Kod 6 “Bahasa Arab”</b> merujuk kepada AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam Bahasa Arab.
I3	Sekiranya terdapat bahasa lain di I2, sila nyatakan bahasa tersebut.	Sekiranya AIR berkebolehan untuk membaca/ menulis/ mengira dalam bahasa selain yang disenaraikan di I2, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan. Contohnya: <b>Bahasa Korea, Bahasa Jepun.</b>
I4	Pernahkah anda/ ahli Isi Rumah ini bersekolah Rendah/ Menengah/ Maktab/ Politeknik/ Kolej/ Universiti?	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR bersekolah rendah/ menengah/ maktab/ politeknik/ kolej/ universiti.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>2. Pendidikan rasmi atau formal bermaksud pendidikan yang diterima oleh seseorang di institusi pendidikan melalui program berstruktur (mempunyai <b>kokurikulum, tempoh pengajian, dan sistem pentaksiran</b>) dan dianugerahkan sijil/ diploma/ ijazah (sama ada melalui pembiayaan sendiri, kerajaan, atau swasta).</p> <p>3. Pendidikan rasmi atau formal dikendalikan oleh institusi yang mempunyai ciri-ciri berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pendaftaran pelajar;</li> <li>Kurikulum yang tetap;</li> <li>Tempat belajar yang tetap; dan</li> <li>Disediakan oleh agensi yang berdaftar.</li> </ol> <p>4. Institusi awam dan swasta adalah termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Tadika/ Pra-sekolah;</li> <li>Sekolah (Rendah dan Menengah);</li> <li>Lepasan Menengah;</li> <li>Institusi kemahiran vokasional/ Teknikal/ Perdagangan;</li> <li>Maktab/ Institusi Pendidikan Guru/ Kolej/ Politeknik;</li> <li>Universiti/ Kolej Universiti; dan</li> <li>Sekolah Pondok/ Madrasah.</li> </ol> <p>5. Pendidikan rasmi/ formal <b>TIDAK TERMASUK</b> yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Institusi agama yang mengajar mata pelajaran agama sahaja dan tidak mempunyai kurikulum tetap;</li> <li>Mod pembelajaran sendiri/ bimbingan secara pos, internet, sebagainya;</li> <li><i>On-The-Job Training</i>;</li> <li>Kelas dewasa; dan</li> <li>Mana-mana kursus pendek yang tidak berstruktur.</li> </ol>
	<p><b>Kod 1</b> Ya, masih belajar (sepenuh masa)</p>	<p><b>Kod 1</b> “Ya, masih belajar (sepenuh masa)” merujuk kepada AIR yang masih menghadiri mana-mana institusi pendidikan</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		yang memberi pendidikan rasmi secara sepenuh masa.
	<b>Kod 2</b> <b>Ya, masih belajar (sambilan)</b>	<b>Kod 2 “Ya, masih belajar (sambilan)”</b> merujuk kepada AIR yang masih menghadiri secara sambilan/ separuh masa di mana-mana institusi pendidikan yang memberi pendidikan rasmi seperti program jarak jauh, <i>online</i> , eksekutif dan sebagainya
	<b>Kod 3</b> <b>Ya, telah tamat pelajaran</b>	1. <b>Kod 3 “Ya, telah tamat pelajaran”</b> merujuk kepada AIR yang telah tamat pelajaran di sekolah rendah/ menengah/ maktab/ politeknik/ kolej/ universiti. 2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 3 “Ya, telah tamat pelajaran”</b> , terus ke <b>I19</b> .
	<b>Kod 4</b> <b>Tidak pernah bersekolah</b>	1. <b>Kod 4 “Tidak pernah bersekolah”</b> merujuk kepada AIR yang tidak pernah bersekolah. 2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 4 “Tidak pernah bersekolah”</b> , terus ke <b>I23</b> .
<b>Jika soalan I4 dijawab 1 atau 2, sila jawab soalan I5</b>		
<b>I5</b>	<b>Apakah jenis sekolah/ institusi pendidikan ahli Isi Rumah ini?</b>	<b>Sekolah/ Institusi</b>
	<b>Kod 1</b> <b>Kerajaan Persekutuan</b>	<b>Kod 1 “Kerajaan Persekutuan”</b> merujuk kepada sekolah atau institusi pendidikan yang ditubuhkan dan disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan.  Nota: Termasuk Taska/ Tabika KEMAS di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kementerian Pembangunan Luar Bandar) dan Tadika di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
	<b>Kod 2</b> <b>Kerajaan Negeri</b>	<b>Kod 2 “Kerajaan Negeri”</b> merujuk kepada sekolah/ institusi yang dibina untuk pendidikan oleh pusat pentadbiran sesebuah negeri.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		Nota: Termasuk Tadika di bawah Jabatan Agama Islam Negeri.
	<b>Kod 3</b> <b>Swasta (berdaftar dengan KPM/ KPT)</b>	<b>Kod 3 “Swasta (berdaftar dengan KPM/ KPT)”</b> merujuk kepada sekolah atau institusi pendidikan yang bukan sekolah atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan dan berdaftar dengan KPM/ KPT.  Nota: Termasuk Tadika/ Tabika swasta.
	<b>Kod 4</b> <b>Swasta (berdaftar dengan agensi selain KPM/ KPT)</b>	<b>Kod 4 “Swasta (berdaftar dengan agensi selain KPM/ KPT)”</b> merujuk kepada pendidikan yang disediakan kepada pelajar oleh institusi pendidikan swasta tetapi berdaftar di bawah agensi selain KPM/ KPT.
	<b>Kod 5</b> <b>Home schooling (berdaftar dengan KPM/ KPT) - Pendidikan pra-sekolah, rendah atau menengah</b>	<b>Kod 5 “Home schooling (berdaftar dengan KPM/ KPT)” - Pendidikan pra-sekolah, rendah atau menengah</b> merujuk kepada satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada kanak-kanak yang memerlukan dan berdaftar dengan KPM/ KPT.
	<b>Kod 6</b> <b>Home schooling (tidak berdaftar dengan KPM/ KPT) - Pendidikan pra-sekolah, rendah atau menengah</b>	<b>Kod 6 “Home schooling (tidak berdaftar dengan KPM/ KPT) - Pendidikan pra-sekolah, rendah atau menengah</b> merujuk kepada satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada kanak-kanak yang memerlukan dan tidak berdaftar dengan KPM/ KPT.
	<b>Kod 7</b> <b>Pengajian agama (Contoh: Sekolah pondok/ tahfiz/ madrasah)</b> <b>Sila nyatakan nama sekolah/ institusi:</b>	<b>Kod 7 “Pengajian agama (Contoh: Sekolah pondok/ tahfiz/ madrasah)”</b> merujuk kepada satu kaedah persekolahan yang menitikberatkan pengajian Islam. Sila nyatakan nama sekolah/ institusi tersebut.



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)</b>		
Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah (AIR) yang terlibat dengan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020 (I6-I11).		
<b>NOTA:</b> Merujuk kepada AIR yang sedang mengikuti pendidikan pra sekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan tertiar.		
<b>I6</b>	<b>Adakah ahli Isi Rumah ini terlibat dengan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR terlibat dengan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR tersebut terlibat dengan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tersebut tidak terlibat dengan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020. 2. Sekiranya KIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b> , terus ke <b>I12</b> .
<b>I7</b>	<b>Adakah ahli Isi Rumah ini memiliki peranti seperti telefon pintar, komputer, laptop atau peranti mudah alih lain seperti tablet untuk mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR memiliki peranti untuk mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). 2. Contohnya, telefon pintar, komputer, laptop atau peranti mudah alih lain seperti tablet.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR memiliki peranti untuk mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak memiliki peranti untuk mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</li> <li>Sekiranya KIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b>, terus ke <b>I12</b>.</li> </ol>
<b>I8</b>	<b>Sekiranya Ya pada I7, adakah peranti tersebut perlu dikongsi di antara ahli Isi Rumah semasa sesi PdPR?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada peranti tersebut perlu dikongsi di antara AIR semasa sesi PdPR.
	<b>Kod 1 Perlu berkongsi dengan ahli Isi Rumah yang lain</b>	<b>Kod 1 “Perlu berkongsi dengan ahli Isi Rumah yang lain”</b> merujuk kepada AIR perlu berkongsi peranti dengan AIR yang lain semasa sesi PdPR.
	<b>Kod 2 Tidak perlu berkongsi dengan ahli Isi Rumah yang lain</b>	<b>Kod 2 “Tidak perlu berkongsi dengan ahli Isi Rumah yang lain”</b> merujuk kepada AIR tidak perlu berkongsi peranti dengan AIR yang lain semasa sesi PdPR.
<b>I9</b>	<b>Adakah ahli Isi Rumah ini mempunyai akses internet untuk mengikuti sesi PdPR sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mempunyai akses internet untuk mengikuti sesi PdPR sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</li> <li>Contohnya wifi atau rangkaian mudah alih.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Ya (Ada kemudahan internet)</b>	<b>Kod 1 “Ya (Ada kemudahan internet)”</b> merujuk kepada AIR memiliki kemudahan internet untuk mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
	<b>Kod 2 Tidak (Tiada kemudahan internet)</b>	<b>Kod 2 “Tidak (Tiada kemudahan internet)”</b> merujuk kepada AIR tidak memiliki kemudahan internet untuk mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). 2. Sekiranya KIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak (Tiada kemudahan internet)”</b> , terus ke I12.
I10	<b>Sekiranya Ya pada I9, apakah tahap kelajuan internet di rumah anda?</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui tahap kelajuan internet yang digunakan oleh AIR yang terlibat dengan PdPR. 2. Tandakan <input type="checkbox"/> pada skor antara 1 sehingga 3. <b>Skor 1: Laju</b> <b>Skor 2: Sederhana</b> <b>Skor 3: Perlahan</b>
I11	<b>Adakah kaedah PdPR mudah difahami oleh ahli Isi Rumah ini?</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada kaedah PdPR mudah difahami oleh AIR. 2. Tandakan <input type="checkbox"/> pada skor antara 1 sehingga 5. <b>Skor 1: Tidak faham</b> <b>Skor 2: Kurang faham</b> <b>Skor 3: Agak faham</b> <b>Skor 4: Faham</b> <b>Skor 5: Sangat faham</b>
<b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 18 tahun dan ke bawah yang mengikuti kaedah <i>home schooling</i> (I12-I18)</b>		
I12	<b>Apakah kaedah yang digunakan untuk <i>home schooling</i>? (Jawapan berganda dibenarkan)</b>  <b>Jika soalan I5 dijawab 5 atau 6 (<i>home schooling</i>), sila jawab soalan I12.</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengenalpasti kaedah yang digunakan AIR untuk <i>home schooling</i> . 2. <i>Home schooling</i> merupakan satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada kanak-kanak yang memerlukannya seperti mempunyai masalah kesihatan kronik dan memerlukan jagaan rapi oleh ibu bapa/ pihak penjaga. 3. AIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 1</b> Dilaksanakan oleh ibu bapa/ penjaga	<b>Kod 1 “Dilaksanakan oleh ibu bapa/ penjaga”</b> merujuk kepada penjaga AIR mestilah memiliki kelulusan ikhtisas perguruan dan salah seorang ibu bapa mesti menjadi pengajar sepenuh masa.
	<b>Kod 2</b> Dilaksanakan oleh guru di rumah	<b>Kod 2 “Dilaksanakan oleh guru di rumah”</b> merujuk kepada ibu bapa/ penjaga AIR mengupah tenaga pengajar untuk datang ke rumah bagi mengajar AIR.
	<b>Kod 3</b> Dilaksanakan oleh guru di pusat tuisyen	<b>Kod 3 “Dilaksanakan oleh guru di pusat tuisyen”</b> merujuk kepada AIR menjalani <i>home schooling</i> di pusat tuisyen.
	<b>Kod 4</b> Melalui guru secara dalam talian	<b>Kod 4 “Melalui guru secara dalam talian”</b> merujuk kepada AIR menjalani <i>home schooling</i> bersama guru secara dalam talian.
I13	Sekiranya terdapat kaedah lain yang digunakan untuk <i>home schooling</i> di I12, sila nyatakan kaedah tersebut.	Sekiranya AIR menggunakan kaedah lain untuk <i>home schooling</i> selain yang disenaraikan di I12, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.
I14	Adakah <i>home schooling</i> tersebut mengikuti sebarang kurikulum?	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada <i>home schooling</i> tersebut mengikuti sebarang kurikulum.
	<b>Kod 1</b> Ya	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR mengikuti kurikulum bagi <i>home schooling</i> .
	<b>Kod 2</b> Tidak	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak mengikuti apa-apa kurikulum bagi <i>home schooling</i> .
I15	Apakah jenis kurikulum yang diikuti bagi <i>home schooling</i> ? Tandakan SATU sahaja	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jenis kurikulum yang diikuti bagi <i>home schooling</i> . 2. Sila pilih satu jawapan sahaja.
	<b>Kod 1</b> Kurikulum kebangsaan	<b>Kod 1 “Kurikulum kebangsaan”</b> merujuk kepada suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan. Semua <i>home schooling</i> yang berdaftar dengan KPM mestilah menggunakan kurikulum kebangsaan.</p>
	<p><b>Kod 2</b>  <b>Kurikulum selain kurikulum kebangsaan (Contoh: Kurikulum agama)</b>  <b>Sila nyatakan:</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Kod 2 “Kurikulum selain kurikulum kebangsaan”</b> merujuk kepada jenis kurikulum yang diikuti semasa <i>home schooling</i> selain daripada kurikulum kebangsaan. Contohnya, kurikulum agama.</li> <li>Sekiranya AIR mengikuti sebahagian kurikulum kebangsaan dan sebahagian kurikulum selain kurikulum kebangsaan, AIR boleh memilih <b>Kod 2 “Kurikulum selain kurikulum kebangsaan”</b>.</li> </ol>
<p><b>I16</b></p>	<p><b>Berapa hari setiap minggu kanak-kanak ini menjalani <i>home schooling</i>?</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bilangan hari dalam seminggu AIR menjalani <i>home schooling</i>.</li> <li>Tuliskan <b>bilangan hari dalam seminggu</b> AIR menjalani <i>home schooling</i> di dalam petak yang berkenaan (2 digit).</li> </ol>
<p><b>I17</b></p>	<p><b>Berapakah jumlah jam setiap minggu kanak-kanak ini menjalani <i>home schooling</i>?</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bilangan jam dalam seminggu AIR menjalani <i>home schooling</i>.</li> <li>Tuliskan <b>bilangan jam dalam seminggu</b> AIR menjalani <i>home schooling</i> di dalam petak yang berkenaan (3 digit).</li> </ol>
<p><b>I18</b></p>	<p><b>Apakah sebab kanak-kanak ini mengikuti <i>home schooling</i>? Tandakan SATU</b></p>	<p>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sebab AIR mengikuti <i>home schooling</i>.</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	kotak untuk setiap item di bawah:	
(a)	Kanak-kanak ini mengalami masalah kesihatan yang kronik dan memerlukan penjagaan yang rapi oleh ibu bapa/ penjaga untuk mendapat pendidikan formal di rumah.	<p data-bbox="808 1003 1409 1108"><b>Tandakan (X)</b> pada <b>Kod 1 (Ya)</b> jika petikan-petikan berikut merupakan sebab kanak-kanak ini mengikuti <i>home schooling</i>.</p> <p data-bbox="824 1150 1393 1224"><b>Tandakan (X)</b> pada <b>Kod 2 (Tidak)</b> jika tidak bersetuju dengan petikan tersebut.</p>
(b)	Kanak-kanak ini mempunyai penyakit sementara yang menghalangnya pergi ke sekolah.	
(c)	Anda prihatin dengan persekitaran sekolah, seperti keselamatan, ubat-ubatan, atau tekanan rakan sebaya yang negatif.	
(d)	Anda tidak berpuas hati dengan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.	
(e)	Anda lebih suka mengajar anak di rumah supaya anda dapat memberikan pendidikan agama.	
(f)	Anda lebih suka mengajar anak di rumah supaya anda dapat memberikan pendidikan moral.	
(g)	Kanak-kanak ini mempunyai keperluan khas lain yang anda rasa sekolah tidak dapat penuhi.	
(h)	Anda mempunyai alasan lain untuk kanak-kanak ini	

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	bersekolah di rumah? Sila nyatakan:	
<b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 3 tahun dan lebih (I19 – I22)</b>		
I19	<b>Apakah peringkat pendidikan tertinggi yang dicapai/ masih menuntut oleh anda/ ahli Isi Rumah ini?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui peringkat pendidikan tertinggi yang dicapai atau masih menuntut.</li> <li>2. Peringkat tertinggi yang dicapai merujuk kepada tahap pendidikan tertinggi yang diperolehi sehingga tarikh survei.</li> <li>3. Sekiranya AIR belajar di luar Malaysia, dapatkan persamaan taraf pendidikan dengan sistem pendidikan di Malaysia sekarang. Jika taraf pendidikannya tidak dapat disamakan dengan pendidikan Malaysia, bilangan tahun seseorang itu belajar di luar negara akan diambil kira. Contohnya, jika AIR telah belajar selama 10 tahun di luar Malaysia, persamaan peringkat persekolahan (bermula dengan 6 tahun) ialah Tingkatan 4.</li> </ol>
	<b>Sila masukkan kod berdasarkan Buku Kod</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut peringkat pendidikan tertinggi.</li> <li>2. Kod bagi soalan ini adalah tiga (3) digit.</li> <li>3. Kod serta keterangan dan definisi bagi setiap peringkat pendidikan tertinggi boleh dirujuk pada Buku Kod.</li> </ol>
	<b>Pra sekolah (Umur 3 - 6)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merupakan program pendidikan awal terancang yang direka untuk memperkenalkan kanak-kanak kepada persekitaran sekolah.</li> <li>2. Mesti dijalankan di premis sekolah atau pusat untuk memenuhi keperluan perkembangan kanak-kanak yang berumur sekurang-kurangnya tiga tahun dan staf yang mempunyai kelayakan untuk mengajar kanak-kanak peringkat umur muda.</li> <li>3. Tiada kelayakan masuk.</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Setelah tamat program ini, murid-murid akan menyambung pendidikan di peringkat rendah.</li> <li>5. Pendidikan pra-sekolah <b>TERMASUK</b> di bawah takrif pendidikan rasmi/ formal. Ianya dikodkan bertujuan untuk mendapatkan maklumat penduduk yang telah/ sedang mengikuti pendidikan pra-sekolah. Ini kerana mereka yang menduduki pra-sekolah telah mendapat pendedahan kepada persekitaran sekolah dan pengetahuan asas berbanding mereka yang tidak pernah bersekolah.</li> </ol>
	<p><b>Pendidikan rendah (Tahun 1 - 6)</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Direkabentuk untuk menyediakan pendidikan umum bertujuan melengkapkan murid-murid dengan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) serta mewujudkan individu yang seimbang.</li> <li>2. Murid-murid akan mengambil ujian penilaian di peringkat akhir pendidikan rendah, sebelum menyambung pelajaran ke peringkat menengah rendah.</li> <li>3. Tempoh pengajian enam tahun tetapi boleh tamat diikuti dalam tempoh lima hingga tujuh tahun.</li> <li>4. Kelayakan masuk mengikut peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan atau sekolah rendah berkenaan.</li> <li>5. Permulaan aktiviti pembacaan sahaja bukan kriteria untuk klasifikasi program pendidikan ini.</li> </ol>
	<p><b>Pendidikan menengah rendah (Peralihan - Tingkatan 3)</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meneruskan program pendidikan asas yang dijalankan di peringkat rendah.</li> <li>2. Disediakan dengan memberi lebih masa kepada pelajar-pelajar untuk menguasai dan melengkapkan diri dengan pendidikan umum yang bersepadu.</li> <li>3. Mesti mengikut masa di mana ianya dirancang berorientasikan subjek</li> </ol>



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>menggunakan guru yang berkelayakan khusus untuk bidang/ subjek yang diajar.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Tempoh pengajian selama 3/ 4 tahun.</li> <li>5. Turut menyediakan program peralihan bagi pelajar aliran bahasa Cina dan Tamil untuk menguasai Bahasa Malaysia sebelum meneruskan pengajian ke Tingkatan 1 iaitu "<b>Kelas Peralihan</b>".</li> <li>6. Pelajar akan menduduki peperiksaan penilaian di peringkat akhir pendidikan menengah rendah, sebelum menyambung pelajaran ke peringkat menengah atas.</li> </ol>
	<p><b>Pendidikan menengah atas (Tingkatan 4 - 5)</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merupakan kesinambungan program menengah rendah.</li> <li>2. Tempoh pengajian selama 2 tahun.</li> <li>3. Selain menerima pendidikan umum, pelajar juga diberi pilihan untuk menjurus dalam aliran sastera, sains, vokasional, teknikal atau agama.</li> <li>4. Pendidikan vokasional adalah seperti dalam bidang pertukangan, pertanian, sains rumah tangga dan perdagangan. Kursus vokasional yang diberi adalah mengikut peluang-peluang pekerjaan di Malaysia. Bermula tahun 1997, sekolah vokasional telah dinaik taraf sebagai sekolah teknik.</li> <li>5. Pelajar akan menduduki peperiksaan penilaian (SPM/ SPMV/ SMA/ SMU/ GCE 'O" Level/ atau yang setaraf) di peringkat akhir pendidikan menengah atas sebelum menyambung pengajian peringkat tertiar atau memilih memasuki pasaran buruh.</li> <li>6. Terdapat juga pelajar sekolah vokasional/ teknik yang hanya menduduki peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia.</li> </ol>
	<p><b>Pra Universiti</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar telah tamat pendidikan menengah atas.</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>(Termasuk Tingkatan 6 dan Matrikulasi)</b>	2. Tempoh pengajian pra universiti selama 1-2 tahun. 3. Pelajar yang telah menamatkan pendidikan di peringkat ini boleh meneruskan pengajian di peringkat ijazah dalam negara dan termasuk program persediaan bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara. 4. Pengajian peringkat matrikulasi merupakan persediaan untuk pengajian peringkat ijazah. Tempoh pengajian selama 1–2 tahun. 5. Ini termasuk pengajian tahap alpha dan beta di Universiti Multimedia (MMU) yang merupakan pengajian tahun asas ( <i>foundation year</i> ) pertama dan kedua.
	<b>Pendidikan pasca menengah bukan tertiar</b>	Contoh <b>“Peringkat pendidikan pasca menengah bukan tertiar”</b> a) <b>Kod 401</b> akan diisi jika AIR mengikuti pembelajaran di mana-mana Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, <i>State Skill Development Centre</i> (TATI, PSDC dll), Institut Pertanian dan kolej swasta yang berkenaan. b) <b>Kod 402</b> akan diisi jika AIR mengikuti pembelajaran dari mana-mana program persijilan dari Telekom Malaysia, Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja dan agensi-agensi lain. c) <b>Kod 403</b> akan diisi jika AIR mengikuti pembelajaran di mana-mana institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/ kolej termasuk politeknik. d) <b>Kod 404</b> akan diisi jika AIR mengikuti pembelajaran dari mana-mana IPTA/ IPTS atau Kementerian Kesihatan/

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<p data-bbox="337 380 618 453"><b>Pendidikan tertiar (Diploma)</b></p>	<p data-bbox="889 268 1419 342">Kementerian Pelajaran yang menawarkan program persijilan.</p> <p data-bbox="800 380 1419 453"><b>1. Program diploma kemahiran khusus dan teknikal</b></p> <p data-bbox="846 457 1419 667">a) Kemasukan ke program diploma kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan sekurang-kurangnya menamatkan program sijil kemahiran khusus dan teknikal.</p> <p data-bbox="846 674 1419 1213">b) Merujuk kepada program diploma yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) (Diploma Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan <i>London Chamber of Commerce and Industry International Qualifications</i> (LCCI) (Tahap 3 dan 4).</p> <p data-bbox="846 1220 1419 1472">c) Contoh institusi: Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), <i>Advanced Technology Training Centre</i> (ADTEC), <i>State Skill Development Centre</i> (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll) dan kolej swasta yang berkenaan.</p> <p data-bbox="846 1478 1419 1551">d) Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu.</p> <p data-bbox="846 1558 1419 1631">e) Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 2 tahun.</p> <p data-bbox="800 1638 1419 1732"><b>2. Program diploma lanjutan/ Higher National Diploma kemahiran khusus dan teknikal</b></p> <p data-bbox="846 1738 1419 1873">a) Kemasukan ke program diploma lanjutan/ <i>Higher National Diploma</i> kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>sekurang-kurangnya tamat program diploma kemahiran khusus dan teknikal.</p> <p>b) Merujuk kepada program diploma yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).</p> <p>c) Contoh institusi: Institusi Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), <i>Advanced Technology Training Centre</i> (ADTEC) dan kolej swasta yang berkenaan.</p> <p>d) Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu.</p> <p>e) Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 3 tahun.</p> <p><b>3. Program diploma dari kolej/ politeknik/ universiti atau setaraf dengannya</b></p> <p>a) Kemasukan ke program diploma dari kolej/ politeknik/ universiti atau yang setaraf dengannya memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/ SPM(V) atau tamat program sijil dari kolej/ politeknik/ universiti atau yang setaraf dengannya.</p> <p>b) Merujuk kepada program diploma yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/ kolej termasuk politeknik.</p> <p>c) Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.</p> <p>d) Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 2 tahun.</p> <p><b>4. Program diploma perguruan/ kejururawatan/ kesihatan bersekutu</b></p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>a) Kemasukan ke program diploma perguruan/ kejururawatan/ kesihatan bersekutu memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/ SPM(V).</p> <p>b) Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.</p> <p>c) Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 2 tahun.</p> <p>d) Merujuk kepada program diploma yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk institusi di bawah Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan.</p> <p>e) Contoh institusi: Institut Perguruan Malaysia (IPG), Kolej Kejururawatan/ Sains Kesihatan Bersekutu dan lain-lain di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, Institut Kesihatan Umum, <i>Masterskill College of Nursing and Health</i>, Kolej MAHSA dll.</p>
	<p><b>Pendidikan tertiar (Ijazah dan Sarjana)</b></p>	<p>1. <b>Program ijazah sarjana muda/ diploma lanjutan</b></p> <p>a) Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar lulus Tingkatan 6 Atas, matrikulasi atau diploma.</p> <p>b) Terdapat juga kemasukan terus ke program ijazah sarjana muda selepas lulus SPM/ SPM(V). Bagaimanapun, golongan ini akan melalui kursus asas (<i>foundation course</i>) pada tahun pertama pengajian. Contohnya, kursus peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Teknologi Malaysia.</p> <p>c) Merujuk kepada program ijazah sarjana muda/ diploma lanjutan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) khususnya</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>di peringkat universiti/ kolej dalam dan luar negara yang diiktiraf.</p> <p>d) Program ini lebih bersifat teori dan adalah untuk menyediakan kelayakan yang mencukupi untuk memasuki program penyelidikan lanjutan dan profesion yang berkemahiran tinggi.</p> <p>e) Program ini mempunyai jangka masa terkumpul untuk teori (di peringkat tertiar) selama tiga tahun sepenuh masa. Melibatkan penulisan tesis atau kertas projek di tahun akhir pengajian.</p> <p>f) Terdapat pelbagai pendekatan laluan yang boleh diikuti oleh seseorang pelajar untuk mendapatkan ijazah pertama mereka. Selain daripada program pengajian biasa, terdapat juga program lain seperti program berkembar (3+0 atau 2+1) dan francais.</p> <p>g) Kursus diploma lanjutan, diploma dalam bidang sebaran am dan diploma dalam bidang seni lukis dan seni reka dari UiTM adalah setaraf dengan ijazah.</p> <p><b>2. Program lepasan ijazah</b></p> <p>a) Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar lulus ijazah sarjana muda atau diploma lanjutan.</p> <p>b) Merujuk kepada program lepasan ijazah yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan badan-badan profesional dalam bidang-bidang tertentu.</p> <p>c) Program ini lebih bersifat aplikasi untuk memasuki profesion tertentu seperti perguruan atau mendapat pengiktirafan bagi profesion yang berkenaan seperti kejuruteraan,</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>perakaunan, perundangan, arkitek, perubatan dan lain-lain.</p> <p>d) Pensijilan diperoleh melalui kursus/ peperiksaan/ latihan amali. Contohnya, latihan amali bagi bidang undang-undang ialah <i>chambering</i>.</p> <p>e) Termasuk juga dalam kategori ini ialah kursus lepasan ijazah seperti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), <i>Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)</i> dan <i>Bachelor of Laws (LLB)</i>.</p> <p><b>3. Program sarjana (Master)</b></p> <p>a) Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar tamat pengajian ijazah sarjana muda.</p> <p>b) Program ini mempunyai jangka masa terkumpul untuk teori, penulisan tesis dan/ atau kertas projek sekurang-kurangnya satu tahun sepenuh masa.</p> <p>c) Merujuk kepada program ijazah sarjana yang ditawarkan oleh institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/ kolej dalam dan luar negara yang diiktiraf.</p>
	<p><b>Pendidikan tertiar (Ijazah Falsafah Kedoktoran dan Pasca Kedoktoran)</b></p>	<p><b>1. Program ijazah falsafah kedoktoran</b></p> <p>a) Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar tamat pengajian ijazah sarjana.</p> <p>b) Merujuk kepada program ijazah falsafah kedoktoran yang ditawarkan di peringkat universiti dalam dan luar negara yang diiktiraf.</p> <p>c) Peringkat ini dikhaskan untuk program pendidikan tertiar yang membawa kepada penganugerahan kelayakan penyelidikan lanjutan. Program ditumpukan kepada</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>penyelidikan sendiri dan pengajian lanjutan.</p> <p>d) Memerlukan penyerahan tesis atau disertasi yang bermutu yang boleh diterbitkan dan hasil penyelidikan sendiri yang merupakan sumbangan yang signifikan kepada ilmu pengetahuan. Tidak sepenuhnya berasaskan kepada kerja kursus.</p> <p><b>2. Skim pasca kedoktoran</b></p> <p>a) Kemasukan peringkat ini memerlukan seseorang pelajar mempunyai ijazah falsafah kedoktoran (PhD), menjalankan penyelidikan dalam bidang berkaitan dan telah menghasilkan beberapa penerbitan di peringkat nasional dan antarabangsa.</p> <p>b) Peringkat ini dikhususkan kepada program pendidikan/ penyelidikan selepas seseorang itu telah memperolehi ijazah falsafah kedoktoran bertujuan untuk memperoleh kemahiran profesional yang diperlukan dalam kemajuan kerjaya.</p> <p>c) Pelajar yang mengikuti program ini akan memegang jawatan <i>postdoctoral fellow</i> bagi tempoh 6 bulan hingga 5 tahun yang dikhususkan untuk menjalankan penyelidikan. Program ini juga telah ditawarkan kepada mereka yang memfokuskan kerjaya dalam bidang pendidikan yang dikenali sebagai "<i>teaching post-docs</i>".</p>
	Lain-lain	<p>1. <b>Kod 003</b> akan diisi jika AIR menjalani pendidikan tidak formal. Contohnya, seseorang yang bersekolah di sekolah pondok dan mendapat pendidikan agama sahaja akan dikategorikan sebagai "Pendidikan tidak formal".</p>



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		2. <b>Kod 004</b> akan diisi jika AIR tidak pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan yang memberi pendidikan secara rasmi. (Sila rujuk penerangan <b>I3</b> ) 3. <b>Kod 005</b> akan diisi jika AIR masih belum bersekolah (umur kurang 9 tahun dan masih belum bersekolah).
I20	<b>Apakah sijil tertinggi yang diperoleh oleh anda/ ahli Isi Rumah ini?</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui apakah sijil tertinggi yang diperoleh. 2. <b>Sijil tertinggi yang diperoleh</b> adalah merujuk kepada sijil akademik yang diterima semasa di sekolah, maktab atau universiti yang menyediakan “pendidikan rasmi”. 3. <b>TERMASUK</b> dalam kategori ini ialah AIR yang tidak melalui pendidikan rasmi (contoh: pengajian secara pos yang menyediakan bimbingan mata pelajaran akademik, belajar sendiri atau belajar di sekolah pondok) dan memperoleh sijil daripada badan-badan yang memberi pengiktirafan. Contohnya, AIR yang memiliki sijil SPM tetapi belajar sendiri. 4. <b>TIDAK TERMASUK</b> sijil yang diperoleh untuk kemahiran tertentu dalam tempoh masa yang pendek ( <b>kurang daripada enam bulan</b> ) seperti simpan kira, membaiki radio, trengkas, komputer dan sijil kemahiran bahasa. 5. Sijil tertinggi yang diperoleh di luar negara hendaklah dilihat persamaannya dari segi tahun pembelajaran semasa menduduki peperiksaan tersebut. Contoh, Sijil Menengah Atas (SMA) di Indonesia adalah setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
	<b>Sila masukkan kod berdasarkan Buku Kod</b>	1. Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut peringkat sijil/ diploma/ ijazah tertinggi. 2. Kod bagi soalan ini adalah tiga (3) digit.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		3. Kod serta keterangan dan definisi bagi setiap sijil/ diploma/ ijazah tertinggi boleh dirujuk pada Buku Kod.
	<b>Tiada Sijil</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merujuk kepada seseorang yang masih bersekolah <b>atau</b> telah tamat persekolahan <b>tanpa memperoleh sebarang sijil.</b></li> <li>2. Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada <b>“Tiada sijil” sehingga “STPM atau yang setaraf”</b>, terus ke <b>I23.</b></li> </ol>
	<b>UPSR/ UPSRA/ UPKK atau yang setaraf</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kategori ini merujuk kepada AIR yang memiliki sijil tertinggi Ujian Pencapaian Kelas KAFA (UPKK)/ Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)/ Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA) atau yang setaraf.</li> <li>2. UPSR adalah program pengujian untuk menilai pencapaian pelajar di akhir sekolah rendah (Tahun Enam). Peperiksaan ini diperkenalkan pada tahun 1987 bagi menggantikan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima.</li> <li>3. UPSRA dijalankan kepada pelajar-pelajar di akhir Sekolah Rendah Agama.</li> <li>4. Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada <b>“Tiada sijil” sehingga “STPM atau yang setaraf”</b>, terus ke <b>I23.</b></li> </ol>
	<b>PT3/ PMR/ SRP/ LCE/ SRA atau yang setaraf</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merujuk kepada AIR yang memiliki sijil tertinggi Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Rendah Pelajaran (SRP), <i>Lower Certificate of Education</i> (LCE), Sijil Rendah Agama (SRA), <i>Junior Cambridge Certificate</i> dan <i>Junior Middle III</i> atau yang setaraf.</li> <li>2. Kelulusan sijil SRP dan yang setaraf adalah merujuk kepada sijil penuh iaitu mereka yang mendapat pangkat A, B dan C. Pangkat “S” atau “<i>Statement</i>” tidak dikira sebagai sijil penuh.</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		3. PMR telah menggantikan SRP mulai tahun 1993. 4. PT3 telah menggantikan PMR mulai tahun 2014. 5. Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada <b>“Tiada sijil” sehingga “STPM atau yang setaraf”</b> , terus ke I23.
	<b>SPM atau yang setaraf</b>	1. Merujuk kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM), Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPM(V)), <i>School Certificate</i> (SC), <i>Senior Cambridge Certificate</i> , <i>Malaysia Certificate of Education</i> (MCE), <i>Federation of Malay Certificate</i> (FMC), <i>Malaysia Certificate of Vocational Education</i> (MCVE) <i>Senior Middle III</i> , 4 Thanawi (Sijil Pelajaran Agama), <i>GCE ‘O’ Level</i> atau yang setaraf. 2. FMC diperkenalkan pada 1957 dan digantikan dengan MCE pada 1964. Seterusnya, SPM telah menggantikan MCE. Sebelum Sistem Pensijilan Terbuka diperkenalkan di peringkat SPM pada tahun 2000, hanya mereka yang mendapat pangkat 1, 2 dan 3 dikategorikan di bawah kod ini. Dalam Sistem Pensijilan Terbuka, calon yang lulus Bahasa Melayu akan menerima sijil penuh. 3. MCVE diperkenalkan pada 1969. SPVM menggantikan MCVE pada tahun 1981. Seterusnya, SPVM ditukar menjadi SPM(V) pada 1988. 4. Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada <b>“Tiada sijil” sehingga “STPM atau yang setaraf”</b> , terus ke I23.
	<b>STPM atau yang setaraf</b>	1. Merujuk kepada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Persekolahan (STP), <i>Higher School Certificate</i> (HSC), Sijil Tinggi

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>Agama (STA), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Tinggi Ugama (STU), <i>GCE 'A' Level</i> atau kelulusan yang setaraf.</p> <p>2. <b>TIDAK TERMASUK</b> “<i>GCE Statements</i>” yang tidak setaraf dengan sijil penuh.</p> <p>3. Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada “<b>Tiada sijil</b>” sehingga “<b>STPM atau yang setaraf</b>”, terus ke <b>I23</b>.</p>
	<p><b>Sijil Kemahiran khusus atau teknikal (TVET)</b></p>	<p>1. Kemasukan ke program sijil kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan kepada sekurang-kurangnya menamatkan pendidikan menengah atas seperti tamat Tingkatan 5 atau lulus peperiksaan SPM/SPM(V). Terdapat juga kursus yang mana syarat kemasukannya hanya lulus PMR atau setaraf dengannya.</p> <p>2. Merujuk kepada program sijil yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan <i>London Chamber of Commerce and Industry International Qualifications (LCCI)</i> (Tahap 1 dan 2).</p> <p>3. Contoh institusi : Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, <i>State</i></p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p><i>Skill Development Centre</i> (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll), Institut Pertanian dan kolej swasta yang berkenaan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Tempoh kursus sekurang-kurangnya 6 bulan.</li> <li>5. Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu untuk memasuki pasaran buruh atau meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.</li> <li>6. Tidak termasuk dalam kategori ini adalah sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti atau badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf.</li> </ol>
	<p><b>Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merujuk kepada sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti, kolej, badan-badan yang memberi pengiktirafan (contoh: <i>Construction Industry Development Board</i> (CIDB) atau yang setaraf.</li> <li>2. Contohnya, Sijil Kejururawatan, Sijil Perguruan, Sijil Kesihatan Bersekutu, Sijil Perancang Bandar dan Ukur, Sijil Senibina, Sijil Sains Komputer &amp; Teknologi Maklumat dan Sijil Pengajian Perniagaan.</li> </ol>
	<p><b>Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET)</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merujuk kepada Diploma atau Diploma Lanjutan atau <i>Higher National Diploma</i> (HND) bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 3 dan 4).</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>2. Contohnya, Diploma atau Diploma Lanjutan atau <i>Higher National Diploma</i> (HND) bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), <i>Advanced Technology Training Centre</i> (ADTEC), <i>State Skill Development Centre</i> (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll) dan kolej swasta yang berkenaan.</p>
	<p><b>Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf</b></p>	<p>1. Merujuk kepada diploma yang diperoleh dari politeknik, universiti, kolej atau yang setaraf.</p> <p>2. Contohnya, Diploma Kejururawatan, Diploma Perguruan, Diploma Kesihatan Bersekutu, Diploma Perancang Bandar dan Ukur, Diploma Senibina, Diploma Sains Komputer &amp; Teknologi Maklumat dan Diploma Pengajian Perniagaan.</p>
	<p><b>Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana</b></p>	<p>1. Merujuk kepada Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Lanjutan setaraf dengannya yang diperoleh dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.</p> <p>2. Diploma lanjutan, Diploma Sebaran Am dan Diploma Seni Lukis &amp; Seni Reka dari UiTM adalah setaraf dengan ijazah.</p> <p>a) Diploma/ sijil pasca ijazah ialah Diploma Perguruan Lepas Ijazah;</p> <p>b) Diploma/ sijil dari badan profesional ialah <i>Association of Chartered Certified Accountants</i> daripada ACCA.</p> <p>3. Sarjana merujuk kepada ijazah sarjana yang diperoleh daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Doktor Falsafah (PhD)</b>	Merujuk kepada ijazah kedoktoran yang diperoleh daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.
I21	<p><b>Nyatakan nama Institusi Pengajian yang dihadiri oleh anda/ ahli Isi Rumah ini bagi kelulusan tertinggi yang diperoleh.</b></p> <p><b>NOTA:</b> <b>Bagi mereka yang memiliki sijil/ diploma/ ijazah dan ke atas.</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui nama institusi pengajian yang dihadiri AIR.</li> <li>2. Institusi pengajian merujuk kepada nama institusi di mana AIR mendapat pendidikan dan memperoleh sijil/ diploma/ ijazah tertinggi.</li> <li>3. Contohnya, sekiranya sijil yang diperoleh daripada Politeknik Ungku Omar dalam bidang kejuruteraan elektrik, tuliskan "Politeknik Ungku Omar" pada ruangan yang disediakan.</li> </ol>
I22 (a)	<p><b>Apakah bidang pengajian utama anda/ ahli Isi Rumah ini bagi sijil tertinggi yang diperoleh?</b></p>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bidang pengajian utama AIR bagi sijil tertinggi yang diperoleh.
	<b>Sila masukkan kod berdasarkan Buku Kod</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut peringkat sijil/ diploma/ ijazah tertinggi.</li> <li>2. Kod bagi soalan ini adalah tiga (3) digit.</li> <li>3. Kod serta keterangan dan definisi bagi setiap sijil/ diploma/ ijazah tertinggi boleh dirujuk pada Buku Kod.</li> </ol>
	<b>Program Asas</b>	Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah <b>Literasi, numerasi dan kefahaman asas</b> , maka isikan Kod " <b>080</b> ".
	<b>Pendidikan</b>	Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah <b>Latihan Perguruan untuk guru pra-sekolah</b> , maka isikan Kod " <b>143</b> ".
	<b>Kemanusiaan dan Sastera</b>	Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah <b>Muzik</b>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<b>dan persembahan kesenian</b> , maka isikan Kod <b>"212"</b> .
	<b>Sains Sosial, Perniagaan &amp; Perundangan</b>	Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah <b>Kewartawanan dan pelaporan</b> , maka isikan Kod <b>"321"</b> .
	<b>Sains, Matematik &amp; Komputer</b>	Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah <b>Statistik</b> , maka isikan Kod <b>"462"</b> .
	<b>Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan</b>	Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah <b>Mekanik dan kerja logam</b> , maka isikan Kod <b>"521"</b> .
	<b>Pertanian</b>	1. Bidang pengajian ini termasuk Veterinar. 2. Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah <b>Veterinar</b> , maka isikan Kod <b>"641"</b> .
	<b>Kesihatan &amp; Kebajikan</b>	Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah <b>Terapi dan pemulihan</b> , maka isikan Kod <b>"726"</b> .
	<b>Perkhidmatan</b>	Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah <b>Sukan</b> , maka isikan Kod <b>"813"</b> .
<b>(b)</b>	<b>Nyatakan bidang pengajian utama anda/ ahli Isi Rumah ini secara ringkas.</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bidang pengajian utama.</li> <li>2. Tuliskan bidang pengkhususan untuk sijil/ diploma/ ijazah yang telah diperoleh di ruang yang disediakan. Terangkan dengan jelas dan lengkap.</li> <li>3. Contohnya, sekiranya sijil yang diperoleh daripada Politeknik Ungku Omar dalam bidang kejuruteraan elektrik, tuliskan "Kejuruteraan Elektrik" pada ruangan yang disediakan.</li> </ol>



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih (I23-I26)</b>		
<p><b>Pendidikan Rasmi</b></p> <p><b>1. Definisi</b></p> <p><b>Pendidikan rasmi atau formal</b> bermaksud pendidikan yang diterima oleh seseorang di institusi pendidikan melalui program berstruktur (mempunyai kokurikulum, tempoh pengajian, dan sistem pentaksiran) dan dianugerahkan sijil/ diploma/ ijazah (sama ada melalui pembiayaan sendiri, kerajaan, atau swasta).</p> <p><b>2. Pendidikan rasmi atau formal</b> dikendalikan oleh institusi yang mempunyai <b>ciri-ciri</b> berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pendaftaran pelajar;</li> <li>Kurikulum yang tetap;</li> <li>Tempat belajar yang tetap; dan</li> <li>Disediakan oleh agensi yang berdaftar.</li> </ol> <p><b>3. Institusi awam dan swasta</b> adalah termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Tadika/ Pra sekolah;</li> <li>Sekolah (Rendah dan Menengah);</li> <li>Lepasan Menengah;</li> <li>Institusi kemahiran vokasional/ Teknikal/ Perdagangan;</li> <li>Maktab/ Institusi Pendidikan Guru/ Kolej/ Politeknik;</li> <li>Universiti/ Kolej Universiti; dan</li> <li>Sekolah Pondok/ Madrasah.</li> </ol>		
<b>I23</b>	<p><b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, adakah anda pernah menjadi perantis?</b></p> <p><b>NOTA:</b>  <b>Perantis, pelatih industri atau pelajar praktikal adalah orang yang bekerja dengan tujuan untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu bidang sama ada dibayar atau tidak. Contohnya, menjadi seorang perantis di sebuah kedai bahan bakeri dan menjadi pelatih industri di tempat kerja.</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR pernah menjadi perantis.</li> <li>12 bulan lepas merujuk kepada 12 bulan sebelum tarikh survei. Contoh, survei adalah pada 6 September 2021, 12 bulan sebelum merujuk kepada 6 September 2020 sehingga 5 September 2021.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR pernah menjadi perantis.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak pernah menjadi perantis.
<p><b>Pendidikan Tidak Rasmi/ Bukan Formal/ Tidak Formal</b> Meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Institusi agama yang mengajar mata pelajaran agama sahaja dan tidak mempunyai kurikulum tetap;</li> <li>b) Mod pembelajaran sendiri/ bimbingan secara pos, internet, sebagainya;</li> <li>c) <i>On-The-Job Training</i>;</li> <li>d) Kelas dewasa; dan</li> <li>e) Mana-mana kursus pendek yang tidak berstruktur.</li> </ul>		
<b>I24</b>	<p><b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, adakah anda telah mengikuti kursus/ bengkel/ seminar/ kelas (termasuk secara dalam talian)? Contoh: Kursus bahasa, komputer, memandu, pengurusan, memasak, berkebun atau melukis.</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR telah mengikuti kursus/ bengkel/ seminar/ kelas (termasuk secara dalam talian)</li> <li>2. Contohnya, kursus bahasa, komputer, memandu, pengurusan, memasak, berkebun atau melukis (termasuk secara dalam talian).</li> </ol>
	<p><b>Kod 1 Ya</b> <b>Jika Ya, berapa kali</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR yang mengikuti kursus/ bengkel/ seminar/ kelas (termasuk secara dalam talian).</li> <li>2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 1 “Ya”</b>, <b>sila catatkan bilangan</b> kursus yang disertai di dalam kotak yang disediakan.</li> </ol>
	<p><b>Kod 2 Tidak</b></p>	<p><b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR yang tidak mengikuti kursus/ bengkel/ seminar/ kelas (termasuk secara dalam talian).</p>
<b>I25</b>	<p><b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, adakah anda pernah mengikuti latihan kerja berpandu (<i>guided-on-the-job training</i>), yang bermaksud tempoh pendidikan, pengajaran atau latihan yang dirancang secara langsung di tempat kerja, yang dianjurkan oleh</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR pernah menyertai latihan kerja berpandu (<i>guided-on-the-job training</i>).</li> <li>2. <b>Latihan Kerja Berpandu (<i>Guide-on-job training</i>)</b> merujuk kepada tempoh pendidikan, pengajaran atau latihan yang dirancang secara langsung di tempat kerja, yang dianjurkan oleh</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<p>majikan dengan bantuan guru/ tenaga pengajar/ penyelia yang dilantik?  <b>Contoh: Latihan untuk mengendalikan mesin baru atau mempelajari perisian baru (untuk satu atau dua orang).</b></p>	<p>majikan dengan bantuan guru/ tenaga pengajar/ penyelia yang dilantik.            3. Contohnya, latihan untuk mengendalikan mesin baru atau mempelajari perisian baru (untuk satu atau dua orang).</p>
	<p><b>Kod 1</b>  <b>Ya</b>  <b>Jika Ya, berapa kali</b></p>	<p>Jika AIR menjawab <b>Kod 1 “Ya”</b>, <b>silalah catat bilangan</b> latihan kerja berpandu (<i>guide-on-job training</i>) yang disertai di dalam kotak yang disediakan.</p>
	<p><b>Kod 2</b>  <b>Tidak</b></p>	<p><b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak pernah mengikuti latihan kerja berpandu (<i>guided-on-the-job training</i>).</p>
<p><b>I26</b></p>	<p><b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, adakah anda pernah mengikuti pembelajaran peribadi dengan bantuan guru atau tutor yang merupakan aktiviti dibayar? Contoh: Pembelajaran matematik atau piano. Pembelajaran harus diambilkira jika diberikan oleh guru profesional dan dikecualikan jika diberikan oleh rakan, ahli keluarga atau rakan sekerja (termasuk secara dalam talian).</b></p>	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR pernah mengikuti pembelajaran peribadi dengan bantuan guru atau tutor yang merupakan aktiviti berbayar.            2. <b>Pembelajaran peribadi berbayar</b> merujuk kepada bimbingan tambahan yang diberikan kepada pelajar (individu atau kumpulan kecil) bagi mata pelajaran tertentu.            3. Pembelajaran harus diambilkira jika diberikan oleh guru profesional dan dikecualikan jika diberikan oleh rakan, ahli keluarga atau rakan sekerja (termasuk secara dalam talian).            4. Contohnya, pembelajaran matematik atau piano.</p>
	<p><b>Kod 1</b>  <b>Ya</b>  <b>Jika Ya, berapa kali</b></p>	<p>Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 1 “Ya”</b>, <b>silalah catat bilangan sesi</b> pembelajaran peribadi dengan bantuan guru atau tutor yang disertai di dalam kotak yang disediakan.</p>

<b>No. Soalan</b>	<b>Soalan/ Kod</b>	<b>Arahan</b>
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak pernah mengikuti pembelajaran peribadi dengan bantuan guru atau tutor.

## MODUL J: PERTANIAN

Pada soal selidik Modul J, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai status tanah pertanian ahli Isi Rumah. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar

- a) Peratusan keseluruhan penduduk pertanian dengan pemilikan atau hak terjamin terhadap tanah pertanian; dan
- b) Peratusan wanita dengan pemilikan atau hak atas tanah pertanian.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 18 tahun dan lebih (J1-J4)</b>		
<b>J1</b>	<b>Adakah anda memiliki/ menggunakan/ menduduki mana-mana tanah pertanian, sama ada sendiri atau bersama dengan orang lain?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR memiliki, menggunakan atau menduduki mana-mana tanah pertanian, sama ada sendiri atau bersama dengan orang lain.</li> <li>2. Tanah pertanian merangkumi aktiviti penanaman kekal dan tanaman sementara termasuk kelapa sawit, getah, koko dan padi.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR memiliki, menggunakan atau menduduki mana-mana tanah pertanian, sama ada sendiri atau bersama dengan orang lain.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak memiliki, menggunakan atau menduduki mana-mana tanah pertanian, sama ada sendiri atau bersama dengan orang lain.</li> <li>2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b>, terus ke <b>K1</b>.</li> </ol>
<b>J2</b>	<b>Adakah anda dikelaskan seperti syarat berikut: (Jawapan berganda dibenarkan)</b>	Tujuan soalan ini diajukan kepada AIR yang memiliki, menggunakan atau menduduki mana-mana tanah pertanian, sama ada sendiri atau bersama dengan orang lain. AIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 1</b> <b>Pemilik atau pemegang hak pengguna pada mana-mana dokumen yang diakui sah</b>	1. <b>Kod 1 “Pemilik atau pemegang hak pengguna pada mana-mana dokumen yang diakui sah”</b> merujuk kepada AIR merupakan pemilik atau pemegang hak pengguna pada mana-mana dokumen yang diakui sah. 2. Dokumen hakmilik tanah yang dijamin oleh Kerajaan (Tempatan/ Negeri/ Persekutuan) dapat menentukan setiap butiran mengenai syarat-syarat hakmilik asal dan nama-nama individu yang mempunyai kepentingan ke atas tanah tersebut.
	<b>Kod 2</b> <b>Mempunyai hak untuk menjual mana-mana tanah (yang dimiliki, digunakan atau diduduki), sendiri atau bersama dengan orang lain</b>	<b>Kod 2 “Mempunyai hak untuk menjual mana-mana tanah (yang dimiliki, digunakan atau diduduki), sendiri atau bersama dengan orang lain”</b> merujuk kepada AIR mempunyai hak untuk menjual mana-mana tanah (yang dimiliki, digunakan atau diduduki), sendiri atau bersama dengan orang.
	<b>Kod 3</b> <b>Berhak mewarisi salah satu tanah (yang dimiliki, digunakan atau diduduki), bersendirian atau bersama dengan orang lain</b>	<b>Kod 3 “Berhak mewarisi salah satu tanah (yang dimiliki, digunakan atau diduduki), bersendirian atau bersama dengan orang lain”</b> merujuk kepada AIR berhak mewarisi salah satu tanah (yang dimiliki, digunakan atau diduduki), bersendirian atau bersama dengan orang lain.
	<b>Kod 4</b> <b>Tidak berkenaan</b>	<b>Kod 4 “Tidak berkenaan”</b> merujuk kepada AIR tidak dikelaskan pada mana-mana syarat yang disenaraikan di atas.
<b>J3</b>	<b>Adakah terdapat dokumen rasmi untuk salah satu tanah pertanian tersebut (miliki/ gunakan/ duduki) yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah? (Jawapan berganda dibenarkan)</b>	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR mempunyai dokumen rasmi untuk salah satu tanah pertanian tersebut (miliki/ gunakan/ duduki) yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah. 2. Setiap individu yang memiliki tanah akan memegang suatu dokumen

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<p>hakmilik yang jelas dan dijamin oleh Kerajaan yang mempunyai segala syarat dan kepentingan lain yang melibatkan tanah tersebut.</p> <p>3. AIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.</p>
	<p><b>Kod 1</b> <b>Akta hakmilik</b></p>	<p><b>Kod 1 “Akta hakmilik”</b> merujuk kepada AIR mempunyai dokumen Akta hakmilik bagi salah satu tanah pertanian tersebut (miliki, gunakan, duduki).</p>
	<p><b>Kod 2</b> <b>Sijil pemegangan adat</b></p>	<p>1. <b>Kod 2 “Sijil pemegangan adat”</b> merujuk kepada AIR mempunyai sijil pemegang adat bagi salah satu tanah pertanian tersebut (miliki, gunakan, duduki).</p> <p>2. <b>Tanah adat</b> adalah merujuk kepada tanah di bawah hakmilik Pejabat Tanah yang diwartakan di bawah Enakmen Pegangan Adat, Bab 215 dan Enakmen Pegangan Adat (Tanah Lengkongan) 1960 dan ianya diwarisi secara turun temurun oleh sesuatu suku kaum secara berkelompok. Dalam sijil daftar tanah tersebut tercatat nama suku atau kaum berkenaan.</p>
	<p><b>Kod 3</b> <b>Sijil penghunian</b></p>	<p><b>Kod 3 “Sijil penghunian”</b> merujuk kepada AIR mempunyai sijil penghunian bagi salah satu tanah pertanian tersebut (miliki, gunakan, duduki).</p>
	<p><b>Kod 4</b> <b>Wasiat berdaftar atau sijil perolehan keturunan</b></p>	<p>1. <b>Kod 4 “Wasiat berdaftar atau sijil perolehan keturunan”</b> merujuk kepada AIR mempunyai wasiat berdaftar atau sijil perolehan keturunan bagi salah satu tanah pertanian tersebut (miliki, gunakan, duduki).</p> <p>2. <b>Wasiat</b> bermaksud kehendak yang penghabisan yang disampaikan oleh orang yang hampir meninggal (bukan harta benda dan lain-lain), pesan yang terakhir.</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 5</b> <b>Perakuan sewa kekal/ jangka panjang yang berdaftar</b>	<b>Kod 5 “Perakuan sewa kekal/ jangka panjang yang berdaftar”</b> merujuk kepada AIR mempunyai perakuan sewa kekal/ jangka panjang yang berdaftar bagi salah satu tanah pertanian tersebut (miliki, gunakan, duduki).
	<b>Kod 6</b> <b>Kontrak sewa berdaftar</b>	<b>Kod 6 “Kontrak sewa berdaftar”</b> merujuk kepada AIR mempunyai kontrak sewa berdaftar bagi salah satu tanah pertanian tersebut (miliki, gunakan, duduki).
	<b>Kod 7</b> <b>Tiada dokumen</b>	<b>Kod 7 “Tiada dokumen”</b> merujuk kepada AIR tidak mempunyai apa-apa dokumen bagi salah satu tanah pertanian tersebut (miliki, gunakan, duduki).
<b>J4</b>	<b>Sekiranya terdapat dokumen rasmi lain di J3, sila nyatakan dokumen tersebut.</b>	Sekiranya AIR mempunyai dokumen rasmi lain selain yang disenaraikan di <b>J3</b> , sila nyatakan jenis dokumen tersebut pada ruang yang disediakan. Contohnya, tanah TOL (Lesen Pendudukan Sementara).



## MODUL K: HAK KESAMARATAAN

Pada soal selidik Modul K, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai pendapat ahli Isi Rumah tentang hak kesamarataan jantina. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar

- a) Peratusan pelaporan penduduk yang secara peribadi merasa didiskriminasi atau diganggu; dan
- b) Peratusan penduduk yang mempercayai bahawa pembuatan keputusan adalah menyeluruh dan responsif.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 18 tahun dan lebih (K1-K5)</b>		
K1	<b>Adakah anda secara peribadi merasa didiskriminasi atau diganggu dalam 12 bulan yang lepas?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR secara peribadi merasa didiskriminasi atau diganggu.</li> <li>2. <b>Diskriminasi</b> merujuk kepada apa-apa perbezaan, pengecualian, batasan, keutamaan, atau perlakuan diskriminasi lain yang didasarkan pada alasan diskriminasi yang dilarang dan mempunyai tujuan atau kesan membatalkan atau merosakkan pengiktirafan, kenikmatan, atau pelaksanaan hak asasi manusia dan kebebasan asasi pada kedudukan yang sama dalam arena politik, ekonomi, sosial, budaya, atau lain-lain.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR secara peribadi merasa didiskriminasi atau diganggu dalam 12 bulan yang lepas.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR secara peribadi tidak merasa didiskriminasi atau diganggu dalam 12 bulan yang lepas.</li> <li>2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b>, terus ke <b>K4</b>.</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
K2	Sekiranya Ya pada K1, apakah jenis diskriminasi yang anda alami? (Jawapan berganda dibenarkan)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui jenis diskriminasi yang dialami oleh AIR.</li> <li>2. AIR boleh menandakan lebih daripada satu jawapan.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Etnik</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 1 diskriminasi “Etnik”</b> merujuk kepada tidak memberi layanan yang sama rata kepada semua etnik.</li> <li>2. Definisi <b>etnik</b> merujuk kepada bukan bangsa manusia; ia juga tidak memaksa perubahan terhadap kepercayaan agama atau membuang unsur sesuatu kaum; masyarakat majmuk mempunyai kelompok yg hidup berlainan, tetapi di bawah sistem politik yang sama.</li> </ol>
	<b>Kod 2 Jantina</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 2 diskriminasi “Jantina”</b> merujuk kepada individu diberi layanan yang tidak adil kerana perbezaan jantina.</li> <li>2. Contohnya, seorang wanita menerima gaji yang lebih rendah berbanding lelaki yang mempunyai jawatan yang sama walaupun sumbangan mereka adalah sama.</li> </ol>
	<b>Kod 3 Orientasi Seksual</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 3 diskriminasi “Orientasi Seksual”</b> merujuk kepada individu diberi layanan yang tidak adil atas dasar berlainan orientasi seksualnya.</li> <li>2. <b>Jenis orientasi seksual</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Heteroseksual – Tarikan romantik dan seksual terhadap pasangan yang berlainan seks</li> <li>b) Biseksual – Tarikan romantik dan seksual terhadap kedua-dua jantina</li> <li>c) Homoseksualiti – Tarikan romantik dan seksual terhadap jantina yang sama</li> </ol> </li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		<ul style="list-style-type: none"> <li>d) Gay – Suatu label yang diberikan kepada lelaki yang mempunyai tarikan seksual kepada lelaki lain</li> <li>e) Lesbian – Suatu label yang diberikan kepada kaum wanita yang mempunyai tarikan seksual kepada wanita yang lain</li> <li>f) Transvestisme – Lelaki yang suka memakai pakaian wanita dan mempamerkan diri dikenali sebagai pondan atau maknyah</li> <li>g) Transeksual – Perempuan atau lelaki yang merasai diri mereka sepatutnya tergolong pada seks yang berlainan. Mereka merasakan bahawa mereka mempunyai organ seksual yang salah. Justeru itu, mereka menjalani pembedahan pertukaran seks.</li> </ul>
	<b>Kod 4 Umur</b>	<b>Kod 4 diskriminasi “Umur”</b> merujuk kepada individu diberi layanan yang tidak adil kerana tergolong dalam lingkungan umur tertentu. Contohnya, di negara Malaysia remaja sentiasa dianggap orang yang menimbulkan masalah sehingga timbul istilah "masalah remaja".
	<b>Kod 5 Agama</b>	<b>Kod 5 diskriminasi “Agama”</b> merujuk kepada individu diberi layanan yang tidak adil berdasarkan agama yang dianuti. Contohnya, memanggil individu yang berlainan agama dengan panggilan yang tidak mereka senangi.
	<b>Kod 6 Kecacatan</b>	<b>Kod 6 diskriminasi “Kecacatan”</b> merujuk kepada individu diberi layanan yang tidak adil kerana mereka mengalami kecacatan tertentu. Contohnya, permohonan orang kurang upaya telah ditolak untuk mengisi jawatan yang tertentu walaupun mereka mempunyai kelayakan yang diperlukan.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
K3	Sekiranya terdapat diskriminasi lain di K2, sila nyatakan diskriminasi tersebut.	Sekiranya AIR menghadapi jenis diskriminasi lain selain yang dinyatakan di K2, sila nyatakan jenis diskriminasi tersebut pada ruang yang disediakan. Contohnya, diskriminasi fizikal dan kesihatan.
K4	Sejauh manakah anda mengatakan bahawa sistem politik memberi peluang kepada anda untuk bersuara dalam apa yang dilakukan oleh kerajaan?	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sejauh mana AIR mengatakan bahawa sistem politik memberi peluang kepada mereka untuk bersuara dalam apa yang dilakukan oleh kerajaan.</p> <p>2. Tandakan <input type="checkbox"/> pada skor antara 1 sehingga 5.</p> <p><b>Skor 1: Tidak sama sekali</b>  <b>Skor 2: Sangat Sedikit</b>  <b>Skor 3: Sesetengah</b>  <b>Skor 4: Banyak</b>  <b>Skor 5: Sangat banyak</b></p>
K5	Sejauh manakah anda mengatakan bahawa sistem politik membolehkan anda mempunyai pengaruh terhadap politik?	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sejauh mana AIR mengatakan bahawa sistem politik membolehkan mereka mempunyai pengaruh terhadap politik.</p> <p>2. Tandakan <input type="checkbox"/> pada skor antara 1 sehingga 5.</p> <p><b>Skor 1: Tidak sama sekali</b>  <b>Skor 2: Sangat Sedikit</b>  <b>Skor 3: Sesetengah</b>  <b>Skor 4: Banyak</b>  <b>Skor 5: Sangat banyak</b></p>

## MODUL L: JURANG GAJI KESAKSAMAAN GENDER

Pada soal selidik Modul L, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpulkan maklumat penting mengenai pendapat ahli Isi Rumah tentang jurang gaji kesaksamaan gender. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggarkan peratusan responden berpendapat bahawa terdapat jurang gaji antara wanita dan lelaki bagi pekerjaan yang sama.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih (L1-L2)</b>		
L1	<p><b>Pada pendapat anda, adakah gaji wanita sama dengan lelaki bagi pekerjaan yang sama?</b></p>	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui pendapat AIR terhadap kesamarataan gaji wanita dengan lelaki bagi pekerjaan yang sama.</p> <p>2. Tandakan <input checked="" type="checkbox"/> pada skor antara 1 sehingga 7.</p> <p><b>Skor 1: Sangat tidak setuju</b>  <b>Skor 2: Tidak setuju</b>  <b>Skor 3: Agak tidak setuju</b>  <b>Skor 4: Neutral</b>  <b>Skor 5: Agak setuju</b>  <b>Skor 6: Setuju</b>  <b>Skor 7: Sangat setuju</b></p>
L2	<p><b>Pada pendapat anda, bagaimanakah jurang gaji antara lelaki dan wanita dapat dirapatkan?</b>  <b>NOTA: Tandakan SATU sahaja.</b></p>	<p>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui pendapat AIR berkaitan langkah-langkah untuk merapatkan jurang gaji lelaki dan wanita.</p>
	<p><b>Kod 1</b>  <b>Undang-undang kerajaan yang menetapkan gaji yang sama</b></p>	<p><b>Kod 1 “Undang-undang kerajaan yang menetapkan gaji yang sama”</b> merujuk kepada Perkara 8 dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 telah melarang segala bentuk diskriminasi terhadap sesiapa atas dasar agama, bangsa, keturunan, tempat lahir atau jantina di dalam pelantikan apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berkaitan.</p>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 2</b> <b>Polisi baharu syarikat mengenai gaji dan pampasan</b>	<b>Kod 2 “Polisi baharu syarikat mengenai gaji dan pampasan”</b> merujuk kepada pengemaskinian atau pembaharuan polisi syarikat mengenai gaji dan pampasan pekerja mengikut prosedur yang ditetapkan.
	<b>Kod 3</b> <b>Lain-lain (Nyatakan)</b>	<b>Kod 3 “Lain-lain (Nyatakan)”</b> merujuk kepada jawapan selain yang disenaraikan, sila nyatakan jawapan di ruang yang disediakan.

## MODUL M: BULI DI SEKOLAH

Pada soal selidik Modul K, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai masalah buli yang dihadapi oleh pelajar di sekolah. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar peratusan pelajar yang terlibat sebagai mangsa buli dalam kalangan pelajar sekolah.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<p><b>Buli</b> berlaku apabila seorang atau sekumpulan pelajar mengata atau melakukan sesuatu yang tidak menyenangkan pelajar lain. Seseorang juga boleh dikatakan dibuli apabila dia diejek secara berterusan atau dipulaukan dengan sengaja. Buli tidak diambil kira apabila dua pelajar yang sama saiz atau kekuatan bergaduh atau dilakukan secara bergurau atau berseronok bagi kedua-dua pihak.</p>		
<p><b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 6 hingga kurang 18 tahun (M1-M3)</b></p>		
<b>M1</b>	<b>Adakah anda pernah menjadi mangsa buli di sekolah sepanjang tahun ini?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR pernah menjadi mangsa buli di sekolah sepanjang tahun ini.</li> <li>2. Sepanjang tahun ini merujuk kepada sepanjang tahun 2021.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR pernah menjadi mangsa buli di sekolah pada tahun ini.
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak pernah menjadi mangsa buli di sekolah pada tahun ini.</li> <li>2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b>, terus ke <b>N1</b>.</li> </ol>
<b>M2</b>	<b>Sepanjang sesi persekolahan tahun ini, berapa hari anda telah dibuli?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bilangan hari AIR dibuli.</li> <li>2. Tandakan (X) pada kotak yang disediakan mengikut jumlah hari dibuli.</li> </ol>
	<b>Kod 1 1 atau 2 hari</b>	<b>Kod 1 “1 atau 2 hari”</b> merujuk kepada AIR pernah menjadi mangsa buli di sekolah dalam tempoh 1 atau 2 hari.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 2</b> 3 hingga 5 hari	<b>Kod 2 “3 hingga 5 hari”</b> merujuk kepada AIR pernah menjadi mangsa buli di sekolah dalam tempoh 3 hingga 5 hari.
	<b>Kod 3</b> 6 hingga 9 hari	<b>Kod 3 “6 hingga 9 hari”</b> merujuk kepada AIR pernah menjadi mangsa buli di sekolah dalam tempoh 6 hingga 9 hari.
	<b>Kod 4</b> 10 hingga 19 hari	<b>Kod 4 “10 hingga 19 hari”</b> merujuk kepada AIR pernah menjadi mangsa buli di sekolah dalam tempoh 10 hingga 19 hari.
	<b>Kod 5</b> 20 hingga 29 hari	<b>Kod 5 “20 hingga 29 hari”</b> merujuk kepada AIR pernah menjadi mangsa buli di sekolah dalam tempoh 20 hingga 29 hari.
	<b>Kod 6</b> 30 hari dan lebih	<b>Kod 6 “30 hari dan lebih”</b> merujuk kepada AIR pernah menjadi mangsa buli di sekolah dalam tempoh 30 hari dan lebih.
<b>M3</b>	<b>Sepanjang sesi persekolahan tahun ini, apakah perlakuan buli paling kerap anda alami?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui perlakuan buli yang kerap dialami AIR.
	<b>Kod 1</b> <b>Saya telah dipukul, ditendang, ditolak, atau dikunci dalam suatu tempat</b>	<b>Kod 1 “Saya telah dipukul, ditendang, ditolak, atau dikunci dalam suatu tempat”</b> merujuk kepada AIR pernah dibuli secara fizikal seperti dipukul, ditendang, ditolak, atau dikunci dalam suatu tempat.
	<b>Kod 2</b> <b>Saya telah diejek kerana bangsa, kerakyatan atau warna kulit saya</b>	<b>Kod 2 “Saya telah diejek kerana bangsa, kerakyatan atau warna kulit saya”</b> merujuk kepada AIR pernah dibuli secara lisan seperti diejek kerana bangsa, kerakyatan atau warna kulit.
	<b>Kod 3</b> <b>Saya telah diejek kerana agama saya</b>	<b>Kod 3 “Saya telah diejek kerana agama saya”</b> merujuk kepada AIR pernah dibuli secara lisan seperti diejek kerana agama yang dianuti.



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 4</b> <b>Saya telah diejek dengan ejekan seksual seperti secara komen, perilaku, atau gurauan</b>	<b>Kod 4 “Saya telah diejek dengan ejekan seksual seperti secara komen, perilaku, atau gurauan”</b> merujuk kepada AIR pernah dibuli secara lisan seperti diejek dengan ejekan seksual secara komen, perilaku, atau gurauan.
	<b>Kod 5</b> <b>Saya telah dipulau dari apa-apa aktiviti secara sengaja atau langsung tidak dipedulikan</b>	<b>Kod 5 “Saya telah dipulau dari apa-apa aktiviti secara sengaja atau langsung tidak dipedulikan”</b> merujuk kepada AIR pernah dibuli secara mental seperti dipulau dari apa-apa aktiviti secara sengaja atau langsung tidak dipedulikan.
	<b>Kod 6</b> <b>Saya diejek kerana bentuk badan atau paras rupa saya</b>	<b>Kod 6 “Saya diejek kerana bentuk badan atau paras rupa saya”</b> merujuk kepada AIR pernah dibuli secara lisan atau mental seperti diejek kerana bentuk badan atau paras rupa.
	<b>Kod 7</b> <b>Saya telah dibuli dengan cara lain (Nyatakan)</b>	Jika AIR menjawab <b>Kod 7 “Saya telah dibuli dengan cara lain”</b> , sila nyatakan jenis buli paling kerap AIR alami selain yang telah disenaraikan. Sila nyatakan di ruang yang telah disediakan.

## MODUL N: KESELAMATAN/ GANGGUAN/ KEGANASAN

Pada soal selidik Modul N, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting mengenai topik-topik seperti keselamatan, gangguan seksual/ fizikal dan keganasan fizikal/ seksual/ psikologi. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menganggar

- a) Kadar penduduk yang berasa selamat berjalan bersendirian;
- b) Peratusan wanita yang pernah berpasangan dan mengalami keganasan fizikal, seksual atau psikologi;
- c) Peratusan wanita yang mengalami keganasan seksual oleh orang selain pasangan intim;
- d) Peratusan individu yang menjadi mangsa gangguan seksual atau fizikal;
- e) Peratusan individu yang mengalami keganasan fizikal, kekerasan psikologi dan keganasan seksual;
- f) Peratusan individu yang mengalami keganasan seksual pada umur 18 tahun dan ke bawah; dan
- g) Peratusan mangsa keganasan yang melaporkan pemangsaan mereka kepada pihak berkuasa.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
<b>Hanya dijawab oleh ahli Isi Rumah berumur 15 tahun dan lebih (N1-N13)</b>		
<b>Keselamatan</b>		
<b>N1</b>	<b>Adakah anda berasa selamat berjalan bersendirian di kawasan anda/ kawasan kejiranan anda?</b>	<p>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR berasa selamat semasa berjalan bersendirian di kawasannya atau kawasan kejirannya.</p> <p>2. Tandakan <input type="checkbox"/> pada skor antara 1 sehingga 5.</p> <p><b>Skor 1: Sangat selamat</b>  <b>Skor 2: Sederhana selamat</b>  <b>Skor 3: Sedikit tidak selamat</b>  <b>Skor 4: Sangat tidak selamat</b>  <b>Skor 5: Saya tidak pernah berjalan berseorangan selepas gelap</b></p>
	<b>Kod 1</b> <b>Sangat selamat</b>	<b>Kod 1 “Sangat selamat”</b> merujuk kepada AIR berasa sangat selamat semasa berjalan bersendirian di kawasannya atau kawasan kejirannya.
	<b>Kod 2</b> <b>Sederhana selamat</b>	<b>Kod 2 “Sederhana selamat”</b> merujuk kepada AIR berasa sederhana selamat semasa berjalan bersendirian

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		di kawasannya atau kawasan kejirannya.
	<b>Kod 3</b> <b>Sedikit tidak selamat</b>	<b>Kod 3 “Sedikit tidak selamat”</b> merujuk kepada AIR berasa sedikit tidak selamat semasa berjalan bersendirian di kawasannya atau kawasan kejirannya.
	<b>Kod 4</b> <b>Sangat tidak selamat</b>	<b>Kod 4 “Sangat tidak selamat”</b> merujuk kepada AIR berasa sangat tidak selamat semasa berjalan bersendirian di kawasannya atau kawasan kejirannya.
	<b>Kod 5</b> <b>Saya tidak pernah berjalan berseorangan selepas gelap</b>	<b>Kod 5 “Saya tidak pernah berjalan berseorangan selepas gelap”</b> merujuk kepada AIR tidak pernah berjalan berseorangan selepas gelap di kawasannya atau kawasan kejirannya.
<p><b>Gangguan Seksual/ Fizikal</b> Gangguan seksual merujuk kepada perlakuan yang kurang disenangi melalui kata-kata, isyarat, sentuhan, psikologi dan visual yang berunsurkan seks yang biasanya dilakukan berulang-ulang, manakala gangguan fizikal merujuk kepada semua tingkah laku yang berunsur gangguan yang boleh menyebabkan ketakutan terhadap fizikal dan/ atau tekanan emosi.</p>		
<b>N2</b>	<b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, adakah anda pernah menjadi mangsa gangguan seksual/ fizikal?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR pernah menjadi mangsa gangguan seksual/ fizikal dalam tempoh 12 bulan yang lepas.</li> <li>2. 12 bulan lepas merujuk kepada 12 bulan sebelum tarikh survei. Contoh, survei adalah pada 6 September 2021, 12 bulan sebelum merujuk kepada 6 September 2020 sehingga 5 September 2021.</li> </ol>
	<b>Kod 1</b> <b>Ya</b>	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR pernah menjadi mangsa gangguan seksual/ fizikal dalam tempoh 12 bulan yang lepas.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
	<b>Kod 2 Tidak</b>	1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak pernah menjadi mangsa gangguan seksual/ fizikal dalam tempoh 12 bulan yang lepas. 2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b> , terus ke <b>N5</b> .
<b>N3</b>	<b>Sekiranya Ya pada N2, siapakah pelaku tersebut?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui apakah hubungan pelaku tersebut dengan AIR.
	<b>Kod 1 Anggota keluarga</b>	<b>Kod 1 “Anggota keluarga”</b> merujuk kepada pelaku merupakan anggota keluarga AIR seperti ibu/ bapa/ abang/ kakak/ adik.
	<b>Kod 2 Individu bukan anggota keluarga</b>	<b>Kod 2 “Individu bukan anggota keluarga”</b> merujuk kepada pelaku merupakan individu bukan anggota keluarga AIR seperti jiran/ rakan/ orang yang tidak dikenali.
<b>N4</b>	<b>Di manakah insiden ini berlaku?</b>	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui lokasi gangguan seksual/ fizikal berlaku kepada AIR.
	<b>Kod 1 Rumah</b>	<b>Kod 1 “Rumah”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami gangguan seksual/ fizikal adalah di tempat kediaman.
	<b>Kod 2 Sekolah</b>	<b>Kod 2 “Sekolah”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami gangguan seksual/ fizikal semasa/ selepas menjalani sesi pembelajaran di sekolah.
	<b>Kod 3 Tempat kerja</b>	<b>Kod 3 “Tempat kerja”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami gangguan seksual/ fizikal adalah semasa di tempat kerja. Contohnya, pejabat/ hospital.
	<b>Kod 4 Dalam kenderaan</b>	<b>Kod 4 “Dalam kenderaan”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami gangguan seksual/ fizikal adalah di dalam kenderaan sama ada kenderaan sendiri/ orang lain.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		Contohnya, pemandu melakukan gangguan seksual/ fizikal keatas AIR ketika mereka menggunakan perkhidmatan kenderaan seperti <i>Grab/ MyCar</i> .
	<b>Kod 5 Kedai atau restoran</b>	<b>Kod 5 “Kedai atau restoran”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami gangguan seksual/ fizikal adalah di kedai atau restoran. Contohnya, pelayan restoran melakukan gangguan seksual/ fizikal ke atas AIR ketika mereka makan di restoran tersebut.
	<b>Kod 6 Tempat awam</b>	<b>Kod 6 “Tempat awam”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami gangguan seksual/ fizikal adalah di tempat awam. Contohnya, perhentian bas dan pasar awam.
	<b>Kod 7 Lain-lain (Nyatakan)</b>	<b>Kod 7 “Lain-lain (Nyatakan)”</b> merujuk kepada lain-lain lokasi AIR mengalami gangguan seksual/ fizikal. Sila catatkan pada ruang yang disediakan.
<p><b>Keganasan Fizikal/ Seksual/ Psikologi</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Keganasan fizikal</b> boleh ditakrifkan sebagai menggunakan kuasa atau kekerasan secara fizikal yang menyebabkan atau besar kemungkinan akan menyebabkan kecederaan, kematian dan kerencatan tumbesaran.</li> <li>2. <b>Keganasan seksual</b> didefinisikan sebagai segala jenis tingkah laku seksual berbahaya atau tidak diingini yang dikenakan pada seseorang, sama ada dengan menggunakan kekerasan, ugutan atau paksaan.</li> <li>3. <b>Kekerasan psikologi</b> terdiri daripada tindakan yang bertujuan untuk menimbulkan ketakutan, tekanan atau penderaan emosi yang disebabkan oleh tingkah laku seseorang.</li> </ol>		
<b>N5</b>	<b>Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, adakah anda pernah menjadi mangsa keganasan berikut?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui adakah AIR pernah mengalami keganasan fizikal/ seksual/ psikologi.</li> <li>2. 12 bulan lepas merujuk kepada 12 bulan sebelum tarikh survei. Contoh, survei adalah pada 6 September 2021, 12 bulan sebelum merujuk kepada</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		6 September 2020 sehingga 5 September 2021.
	<b>Kod 1 Ya</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR pernah mengalami kegunaan fizikal/ seksual/ psikologi.</li> <li>Sekiranya “Ya”, tandakan (X) pada pilihan jawapan berikut berdasarkan kegunaan <b>fizikal/ seksual/ psikologi</b>.</li> </ol>
	<b>Kod 2 Tidak</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak pernah mengalami kegunaan fizikal/ seksual/ psikologi.</li> <li>Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b>, terus ke <b>O1</b>.</li> </ol>
<b>N6</b>	<b>Sekiranya Ya pada N5, siapakah pelaku tersebut?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui siapakah pelaku bagi kegunaan fizikal/ seksual/ psikologi.</li> <li>Tandakan (X) pada kategori pelaku berdasarkan jenis kegunaan yang dihadapi.</li> </ol>
	<b>Kod 1 Suami/ isteri atau bekas suami/ isteri</b>	<b>Kod 1 “Suami/ isteri atau bekas suami/ isteri”</b> merujuk kepada pelaku merupakan pasangan atau bekas pasangan AIR.
	<b>Kod 2 Mana-mana anggota keluarga lain</b>	<b>Kod 2 “Mana-mana anggota keluarga lain”</b> merujuk kepada pelaku yang merupakan anggota keluarga AIR seperti ibu/ bapa/ abang/ kakak/ adik.
	<b>Kod 3 Individu bukan anggota keluarga</b>	<b>Kod 3 “Individu bukan anggota keluarga”</b> merujuk kepada pelaku merupakan individu luar selain daripada anggota keluarga seperti jiran/ rakan/ orang yang tidak dikenali.
<b>N7</b>	<b>Di manakah insiden ini berlaku?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui lokasi kegunaan fizikal/ seksual/ psikologi yang berlaku kepada AIR.</li> </ol>

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
		2. Tandakan (X) pada lokasi berikut berdasarkan jenis keganasan yang dihadapi.
	<b>Kod 1 Rumah</b>	<b>Kod 1 “Rumah”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami keganasan fizikal/ seksual/ psikologi adalah di tempat kediaman.
	<b>Kod 2 Sekolah</b>	<b>Kod 2 “Sekolah”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami keganasan fizikal/ seksual/ psikologi semasa/ selepas menjalani sesi pembelajaran di sekolah.
	<b>Kod 3 Tempat kerja</b>	<b>Kod 3 “Tempat kerja”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami keganasan fizikal/ seksual/ psikologi adalah semasa di tempat kerja. Contohnya, pejabat/ hospital.
	<b>Kod 4 Dalam kenderaan</b>	<b>Kod 4 “Dalam kenderaan”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami keganasan fizikal/ seksual/ psikologi adalah di dalam kenderaan sama ada kenderaan sendiri/ orang lain. Contohnya, pemandu melakukan gangguan seksual/ fizikal keatas AIR ketika mereka menggunakan perkhidmatan kenderaan seperti <i>Grab/ MyCar</i> .
	<b>Kod 5 Kedai atau restoran</b>	<b>Kod 5 “Kedai atau restoran”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami keganasan fizikal/ seksual/ psikologi adalah di kedai atau restoran. Contohnya, pelayan restoran melakukan gangguan seksual/ fizikal ke atas AIR ketika mereka makan di restoran tersebut.
	<b>Kod 6 Tempat awam</b>	<b>Kod 6 “Tempat awam”</b> merujuk kepada lokasi AIR mengalami keganasan fizikal/ seksual/ psikologi adalah di tempat awam. Contohnya, perhentian bas dan pasar awam.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
N8	Sekiranya terdapat lokasi lain di N7, sila nyatakan lokasi tersebut.	Sekiranya AIR mengalami keganasan tersebut di lokasi lain selain yang dinyatakan di N7, sila nyatakan lokasi tersebut pada ruang yang disediakan.
N9	Adakah anda atau orang lain melaporkan insiden ini?	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR melaporkan insiden tersebut.
	Kod 1 Ya	<b>Kod 1 “Ya”</b> merujuk kepada AIR melaporkan insiden tersebut.
	Kod 2 Tidak	1. <b>Kod 2 “Tidak”</b> merujuk kepada AIR tidak melaporkan insiden tersebut. 2. Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 2 “Tidak”</b> , terus ke N12.
N10	Sekiranya Ya pada N9, ke manakah laporan itu dibuat?	Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui kepada agensi/ pertubuhan mana laporan insiden fizikal/ seksual/ psikologi dibuat.
	Kod 1 Polis Diraja Malaysia	<b>Kod 1 “Polis Diraja Malaysia”</b> merujuk kepada satu badan yang melaksanakan penguatkuasaan undang-undang untuk menjaga keselamatan dan keamanan sesebuah negara.
	Kod 2 Jabatan Kebajikan Masyarakat	<b>Kod 2 “Jabatan Kebajikan Masyarakat”</b> merujuk kepada sebuah jabatan kerajaan yang menjadi peneraju utama kebajikan dalam pembangunan dan kesejahteraan masyarakat.
	Kod 3 Lain-lain	<b>Kod 3 “Lain-lain”</b> merujuk kepada pihak/ agensi lain di mana laporan insiden keganasan fizikal/ seksual/ psikologi dibuat.
N11	Sekiranya responden menjawab Kod 3 “Lain-lain” di N10, sila nyatakan agensi tersebut.	Sekiranya AIR menjawab <b>Kod 3 “Lain-lain”</b> di N10, sila nyatakan nama agensi/ pertubuhan tersebut pada ruang yang disediakan.



No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
